ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.37 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.38
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 54 | 5 MEI 2025 / 1446 ذوالقعدة 7 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**DARIPADA Aisyah Radiallahuanha, bahawa sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Carilah Lailatulqadar pada 10 hari terakhir di bulan Ramadan". (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)**

# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 3 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong berikutan dengan kemenangan People's Action Party (PAP) yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dalam Pilihan Raya Umum Republik Singapura, baru-baru ini.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.**

# Presiden Republik Kosovo tiba di NBD

**Oleh : Aimi Sani**

**BERAKAS,** Ahad, 4 Mei. - Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Vjosa Osmani-Sadriu dan suami, First Gentleman, Prindon Sadriu berserta rombongan selamat tiba di negara ini bagi memulakan Lawatan Negara selama tiga hari bermula hari ini.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Puan Yang Terutama Vjosa Osmani-Sadriu dan suami di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Menteri Pengiring dan isteri, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

**>> Muka 4**

## 4 pegawai DSSB berlepas ke Arab Saudi

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Ahad, 4 Mei. - Empat Pegawai Haji Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) berlepas ke Arab Saudi hari ini untuk membuat persediaan awal bagi mengalu-alukan ketibaan jemaah haji di bawah Pakej DSSB.

Rombongan diketuai oleh Pengarah Urusannya, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed dan disertai Pengurus Am DSSB, Awang Haji Jefri bin Haji Bachee; Penolong Pengurus Am, Jabatan Haji dan Umrah, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar dan seorang kakitangan dari Jabatan Haji dan Umrah, DSSB.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Darussalam Holdings Sendirian Berhad.

**>> Muka 8**

## Pendekatan Jabatan Penjara perlu seiring dengan keperluan, keadaan semasa

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**TUTONG,** Sabtu, 3 Mei. - Sambutan Hari Penjara pada tahun ini menampilkan kelainan yang signifikan dan merupakan satu mercu tanda penting apabila telah mendapat kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menggunakan warna baharu bagi Pakaian Khidmat (Service Dress) dan Pakaian Kerja Rasmi berupa Bush Jacket bagi pegawai berpangkat Pegawai Penjara (Pegawai Utama) hingga ke peringkat Pengarah.

Manakala bagi pegawai peringkat rendah berpangkat Wadar hingga Sarjan, pemakaian seragam baharu berupa Tuck In juga diperkenalkan. Dengan pengenalan imej baharu ini, diharapkan ia dapat menyuntik semangat dan meningkatkan tahap profesionalisme, disiplin yang tinggi serta keyakinan diri pegawai dan anggota Jabatan Penjara dalam menjalankan tugasan harian mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap demikian semasa Upacara Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-71, Tahun 2025 yang berlangsung di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara, hari ini.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan bahawa peranan penting yang dipikul oleh Jabatan Penjara, iaitu menjaga keselamatan, kawalan serta pelaksanaan program-program pemulihan adalah satu tanggungjawab besar yang memerlukan iltizam dan disiplin serta jati diri yang tinggi.

Yang Berhormat amat menghargai segala pengorbanan dan sokongan yang diberikan demi menjunjung amanah dan memulihkan banduan agar menjadi insan yang boleh berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

"Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan di negara ini, Jabatan Penjara juga memainkan peranan penting dalam memulihkan banduan dengan memberikan bekalan ilmu melalui pendidikan agama, pembentukan sahsiah diri, disiplin, jati diri dan kemahiran vokasional.

"Peranan ini menzahirkan kepada masyarakat bahawa Jabatan Penjara sentiasa optimis dalam menjayakan agenda pemulihan agar setiap insan yang pernah terkhilaf mendapat didikan sempurna dan mampu berubah ke arah kehidupan yang lebih baik apabila dibebaskan," jelas Yang Berhormat.

**>> Muka 6**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**MAJLIS Khatam Al-Quran meriahkan Sambutan 50 Tahun PTE Jalan Muara**

**Muka 5**



**MENGGALAKKAN penggunaan sumber sejarah sebagai bahan rujukan**

**Muka 10**



**TIMBA pengalaman, meningkatkan kebolehan pengajaran bahasa Arab**

**Muka 18**




**SENTIASA istiqamah mempelajari tarannum Al-Quran**

**Muka 20**

# Kembalinya Penerbangan RB Ke Beijing simbol kemajuan, jambatan persahabatan kedua-dua negara

**Bismillahir Rahmanir Rahim Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen Wasaalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Anbiy'ae Wal Mursaleen Sayiidina Muhammadin Wa'alaa Aalihee Wasahbihi Ajama'in Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang.**

**ALHAMDULILLAH**. hari ini, kita berkumpul untuk memperingati peristiwa penting dengan pembaharuan dan penyambungan semula perkhidmatan penerbangan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China.

InsyaaAllah, mulai 28 April 2025, Royal Brunei Airlines (RB) akan memulakan penerbangan dua kali seminggu antara Bandar Seri Begawan dengan Beijing, Republik Rakyat China. Penerbangan ini akan menghubungkan kedua-dua negara melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Daxing. Ini menandakan bukan sahaja kebangkitan semula hubungan udara yang penting, tetapi juga penegasan semula hubungan yang kukuh dan berkekalan antara kedua-dua negara kita.

Kami berharap laluan ini akan menjadi lebih daripada sambungan penerbangan, kami berharap ia juga akan menjadi simbol kemajuan, yang akan mengukuhkan lagi jambatan persahabatan antara kedua-dua negara dan meningkatkan kesalinghubungan global NBD ke banyak destinasi dengan Republik Rakyat China.

Pada kesempatan yang baik ini, saya juga ingin menyatakan bahawa NBD berkongsi hubungan yang telah lama terjalin dan bermakna dengan Republik Rakyat China yang akan terus berkembang dari segi skop dan kekukuhan. Dengan bermulanya sambung semula laluan penerbangan ini, kami berharap dapat mengalu-alukan lebih ramai pelancong dari China ke negara kami. Laluan penerbangan ini bukan sahaja akan menawarkan tetamu kami peluang untuk melancong ke NBD tetapi juga peluang untuk mempamerkan keindahan alam semula jadi dan warisan budaya Brunei yang unik. Lebih penting lagi, ia adalah peluang untuk memupuk kesalinghubungan orang kepada orang antara NBD dan Rakyat Republik China.

Awal tahun ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Lawatan Negara ke Republik Rakyat China, di mana baginda bertemu dengan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.

Semasa lawatan ini, baginda menegaskan semula perkongsian yang telah lama terjalin antara NBD dan Rakyat Republik China, hubungan yang komitmen NBD untuk mengukuhkan perkongsian strategik antara kedua-dua negara kita berpaksikan kepercayaan, saling menghormati dan berkongsi aspirasi.

Perkongsian ini, yang ditubuhkan sejak 1991, telah menghasilkan kerjasama yang ketara merentasi pelbagai sektor. Penandatanganan beberapa Memorandum Persefahaman baru-baru ini dan pelaksanaan pengaturan pengecualian visa timbal balik menggariskan komitmen bersama kami untuk memperdalam kerjasama dalam bidang seperti pelancongan, pendidikan, perniagaan, pengangkutan, kesihatan dan pertukaran budaya.

Inisiatif ini bertujuan untuk mengukuhkan kesalinghubungan, menggalakkan pembangunan infrastruktur, dan meningkatkan kerjasama ekonomi yang berpotensi untuk manfaat bersama kedua-dua rakyat di NBD dan Republik Rakyat China.

Penyambungan semula penerbangan terus antara Bandar Seri Begawan dan Beijing adalah pembangunan tepat pada masanya dan strategik yang menyokong usaha RB untuk mengukuhkan rangkaiannya dan mengukuhkan kedudukan NBD sebagai hab serantau yang mempunyai hubungan baik dan boleh dipercayai. Republik Rakyat China kekal sebagai pasaran utama dengan potensi kukuh untuk perjalanan masuk dan keluar, laluan yang diperbaharui ini meningkatkan cadangan nilai syarikat penerbangan sambil menyumbang kepada objektif nasional NBD yang lebih luas dalam ketersambungan, perdagangan dan pelancongan.



**MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa berucap pada Majlis Pelancaran Kembalinya Penerbangan RB Ke Beijing yang berlangsung pada Khamis, 24 April 2025 bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

Inisiatif ini juga sejajar dengan aspirasi NBD di bawah Wawasan Brunei 2035, melengkapkan usaha negara untuk meletakkan negara sebagai destinasi menarik untuk pelaburan, perjalanan dan kerjasama dua hala.

**>> Muka 8**

## WAKTU SEMBAHYANG

| MEI MASIHI | HARI | ZULKAEDAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | ISNIN | 7 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.37 | 6.26 | 7.38 |
| 6 | SELASA | 8 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.37 | 6.26 | 7.39 |
| 7 | RABU | 9 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.31 | 12.18 | 3.37 | 6.26 | 7.39 |
| 8 | KHAMIS | 10 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.37 | 6.26 | 7.39 |
| 9 | JUMAAT | 11 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.38 | 6.26 | 7.39 |
| 10 | SABTU | 12 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.38 | 6.26 | 7.39 |
| 11 | AHAD | 13 | 4.35 | 4.45 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.38 | 6.26 | 7.39 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 / 25 °C | 31 / 25 °C | 31 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 / 25 °C | 31 / 25 °C | 31 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 / 26 °C | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C |
| Kuala Belait | 33 / 26 °C | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

5 MEI 2025

# Siap siaga menyelamatkan semua

**SAMBUTAN** Hari Bomba Sedunia yang disambut pada 4 Mei setiap tahun merupakan satu acara penuh simbolik yang ditujukan khas bagi memperingati dan menghargai pengorbanan serta jasa bakti yang telah diberikan oleh anggota bomba di seluruh dunia.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) sebagai sebuah agensi yang memainkan peranan penting di dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Mereka sering kali menjadi barisan hadapan di dalam usaha penyelamat mangsa. Pihak bomba sering dikaitkan dengan kes kebakaran sahaja tetapi tugas mereka lebih daripada itu. Antara peranan mereka termasuklah menyelamatkan mangsa kemalangan, bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, wabak penyakit dan sebagainya sehinggalah kepada menangkap ular yang masuk ke dalam kediaman-kediaman individu ataupun menurunkan kucing yang tersangkut di dahan pokok. Jika dilihat tugas-tugas yang dibuat oleh mereka nampak mereka sebagai penyelamat dalam apa-apa jua keadaan yang memerlukan kehadiran mereka meskipun boleh dianggap sebagai hal kecil sahaja.

Selain itu, bagi menangani sebarang perkembangan teknologi terkini serta perubahan cuaca memaksa setiap anggota bomba perlu bersiap sedia dengan segala pengetahuan dan langkah terbaik menghargai setiap detik kecemasan. Mereka dilengkapi dengan pengetahuan serta peralatan yang canggih agar dapat memberikan perkhidmatan terbaik.

Mereka ini yang memikul tugas serta tanggungjawab tanpa mengira masa dan penat lelah, berani berdepan cabaran berliku dan berisiko tinggi yang menanti setiap saat. Dalam hujan, ribut petir malah bahang panas api yang marak, mereka teguh berkhidmat menyelamatkan mangsa dan juga harta benda. Oleh itu, orang ramai tidak seharusnya memperlekehkan tugas anggota bomba dan penyelamat ini.

Kita sebagai orang awam juga harus menghargai mereka dengan melakukan perkara mudah seperti memberi laluan jika terdapat bunyi siren dibunyikan. Mereka tentunya bukan saja-saja membunyikannya jika tidak ada keperluan kecemasan. Oleh itu, jadilah masyarakat yang prihatin dengan menepikan kereta di sisi jalan untuk memberi laluan kepada kereta bomba. Ini dapat menyuntik semangat dan motivasi mereka untuk terus menyumbang tenaga dan kepakaran demi memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti tinggi kepada masyarakat.

Selain itu, JBP juga ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Mencegah Kebakaran, dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api yang mana program ini banyak memberi manfaat kepada orang ramai.

Kita perlu menghargai jasa anggota bomba dan penyelamat kerana mereka sanggup mempertaruh keselamatan diri, demi menyelamatkan nyawa orang lain. Amanah dan tanggungjawab yang digalas setiap anggota bomba dan penyelamat amat besar dan perlu dihargai. Komitmen yang ditunjukkan oleh mereka dalam memastikan setiap bencana dapat diatasi dengan baik di negara ini adalah satu keberuntungan bagi kita semua. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**.

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik dan isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD.

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 3 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik, isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD dan mengadap perpisahan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Lao ke NBD.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha mula-mula berkenan menerima mengadap Wakil Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat, Puan Yang Terutama Pengiran Hairani binti Pengiran Tajuddin dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Kerajaan Hasyimiah Jordan, Puan Yang Terutama Hajah Nor Huda binti Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Ahmad.

Kemudian, diteruskan dengan Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan; isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Yang Berbahagia Datin Zaeidah binti Mohamed Esa; isteri Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Heather Mc Intyr dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke NBD, Madam So Sotheary.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap perpisahan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Lao ke NBD, Puan Yang Terutama Sengdavanh Vongsay. Majlis-majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik dan isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD (atas), manakala gambar kiri sekali dan kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap perpisahan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Lao ke NBD, Puan Yang Terutama Sengdavanh Vongsay.

# PRESIDEN REPUBLIK KOSOVO TIBA DI NBD





PRESIDEN Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Vjosa Osmani-Sadriu dan suami, First Gentleman, Prindon Sadriu berserta rombongan selamat tiba di negara ini bagi memulakan Lawatan Negara selama tiga hari (atas, atas kanan dan bawah kanan).

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**>> Muka 1**

Turut hadir bagi mengalu-alukan ketibaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan isteri serta Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan isteri. Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri serta Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan isteri.

Lawatan Negara ini merupakan lawatan yang pertama Puan Yang Terutama Vjosa Osmani-Sadriu sebagai presiden ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sejak menjalinkan hubungan diplomatik pada 20 Februari 2017, NBD dan Republik Kosovo mengekalkan hubungan mesra terutama kerjasama pendidikan melalui program biasiswa yang dianugerahkan kepada 14 pelajar Kosovo sejak tahun 2001.



# 13 pegawai berlepas ke Arab Saudi buat persiapan awal



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan tersebut di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas dan bawah kanan).

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Sabtu, 3 Mei. - Seramai 13 orang pegawai selaku rombongan awal (*advance party*) Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran dan Perubatan) bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang terdiri daripada lima Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran) dan lapan Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) telah berlepas ke Arab Saudi menaiki pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI097 pada malam tadi.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1446H / 2025M berlepas ke Arab Saudi adalah bagi membuat persiapan awal pengurusan hal ehwal haji dengan pihak-pihak berkepentingan di Arab Saudi sebelum ketibaan jemaah haji NBD.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan tersebut di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Gharif dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Abdul Mu'iz bin Haji Amat selaku Guru Ugama Pejabat Urusan Jemaah Haji, NBD, Pusat Da'wah Islamiah. Jemaah haji NBD pada Musim Haji Tahun 1446H / 2025M dijadualkan bertolak ke Tanah Suci bermula pada 17, 18, 19 dan 20 Zulkaedah 1446H bersamaan 15, 16, 17 dan 18 Mei 2025M.



# MAJLIS KHATAM AL-QURAN MERIAHKAN SAMBUTAN 50 TAHUN PTE JALAN MUARA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman





**AHLI Majlis Mesyuarat Diraja, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Memperingati 50 Tahun Pusat Tingkatan Enam Jalan Muara 1975. Hadir sama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas dan atas kanan).**

**JERUDONG**, Ahad, 4 Mei. - Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran merupakan kemuncak acara sempena Sambutan Memperingati 50 Tahun Pusat Tingkatan Enam (PTE) Jalan Muara 1975.

Majlis bersejarah berkenaan berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Juga hadir, lebih 150 orang terdiri daripada mantan pengetua-pengetua, mantan tenaga-tenaga pengajar PTE serta lepasan penuntut-penuntut lelaki dan perempuan PTE Jalan Muara 1975-1978 bersama isteri / suami masing-masing.

Atur cara dengan bacaan Ummul Kitab, Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz, diikuti bacaan Doa Sebelum Membaca Al-Quran beramai-ramai yang diketuai bersama oleh Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Salleh dan Haji Awang Jasni bin Haji Abdul Latif.

Acara kemudiannya disusuli dengan bacaan surah-surah lazim beramai-ramai bagi Majlis Khatam Al-Quran yang diketuai oleh Awang Haji Yakob bin Haji Yusof dan Awang Haji Jamain bin Momin.

Sementara, bacaan Takhtim dipimpin bersama oleh Awang Haji Muhd. Yadiy bin Haji Yusof, Awang Haji Md. Hairol bin Haji Sani dan Awang Muhd. Hafiq Fakhry bin Haji Affendy Buang.

Manakala itu, bacaan Tahlil dikepalai oleh Pengiran Haji Yunus yang turut mengetuai bacaan Sayyidul Istighfar.

Bacaan Doa Khatam Al-Quran dan Doa Tahlil pula, masing-masing dipimpin oleh Awang Haji Yakob dan Pengiran Haji Yunus.

Majlis kemudian diteruskan dengan alunan merdu Dikir Marhaban (Ashraqal) diketuai oleh Haji Awang Jasni bin Haji Abdul Latif.

Disusuli selepas itu, bacaan beramai-ramai Selawat Tafrijiyyah sebanyak tiga kali diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid selaku Ketua Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Awang Haji Muhd Amaluddin bin Haji Jamaluddin, yang turut membacakan Doa Kesyukuran dan Allah Peliharakan Sultan dan Negara pada akhir majlis.

Terdahulu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz menyempurnakan penyampaian wakaf berupa sebuah vakum penyedut habuk (*vacuum cleaner*) kepada ketua imam, bagi kegunaan masjid berkenaan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz turut menyempurnakan penyampaian derma sumbangan lepasan penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978 kepada anak-anak yatim lelaki.

Sementara isteri Yang Berhormat, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris menyampaikan derma kepada anak-anak yatim perempuan.

Mereka yang menerima sumbangan derma terdiri dari empat orang anak yatim dari Sekolah Rendah Jerudong dan sembilan orang anak yatim dari Sekolah Ugama Jerudong yang masing-masing menerima sumbangan wang tunai sebanyak BND100 seorang.

Setiausaha Bersama Majlis, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim memaklumkan kepada media yang membuat liputan majlis tersebut, bahawa setiap jemputan yang hadir akan menerima senaskhah Mushaf Al-Quran sumbangan lepasan penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978 sebagai cenderamata kenang-kenangan yang istimewa sempena Sambutan Memperingati 50 Tahun PTE Jalan Muara 1975.

Menurut beliau, sebelum acara berkenaan, pada 8 Mac 2025 yang lalu, lepasan penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978 telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

# Ayat Al-Quran bawa kekuatan, ketenangan jiwa

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 4 Mei. - Acara Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-181 diadakan khusus untuk Wanita Kali Ke-24, baru-baru ini diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Healing dengan Tadabbur Al-Quran' yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang Hajah Sarinah binti Haji Yahya.

Dalam tazkirah tersebut, Dr. Dayang Hajah Sarinah menekankan keperluan membetulkan stigma yang mengaitkan masalah kecelaruan mental dengan kurangnya ibadah, seperti tidak membaca Al-Quran, lalai daripada mengingati Allah, atau tidak cukup solat.

Beliau menegaskan bahawa isu kesihatan mental adalah penyakit yang nyata dan konsep *healing* perlu difahami dengan betul iaitu sebagai proses penyembuhan, pemulihan dan pengubatan, bukan sekadar bersantai atau berehat untuk menenangkan fikiran.

Menurut beliau lagi, selain daripada rawatan oleh pakar psikologi dan psikiatri dari sudut spiritual pula, Tadabbur Al-Quran merupakan satu bentuk terapi atau rawatan pemulihan yang boleh diikhtiarkan.

Ini termasuk membaca dan memahami ayat-ayat suci Al-Quran secara mendalam serta mengambil *ibrah* dan pengajaran daripadanya. Ayat-ayat Al-Quran bukan hanya dijadikan doa tetapi juga sebagai zikir dan kata-kata kekuatan yang membawa ketenangan jiwa.

Dalam menghadapi cabaran mental tambahnya, ayat-ayat motivasi dan pemujuk rasa daripada Al-Quran mampu menyuntik kekuatan rohani, membentuk ketabahan dan menjadikan seseorang itu lebih tenang dalam menerima ujian Allah.

Beliau turut menyatakan bahawa sesiapa yang diuji dengan kesusahan, termasuk cabaran mental, boleh dianggap sebagai insan terpilih (*the chosen one*) yang diberikan peluang oleh Allah untuk mendekatkan diri kepada-Nya dan menjadi sebahagian daripada Khayra Ummah.

Hadir selaku tetamu khas pada acara tersebut ialah Pegawai Ugama Kanan, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohd. Noor yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk secara beramai-ramai yang dipimpin oleh Johan Qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki, dari Surau Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Doa Munajat pula dibacakan oleh Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat, tempat ketiga qariah Musabaqah Kebangsaan 1446H / 2025M, diikuti dengan bacaan Selawat Badriah yang dipimpin oleh Dayang Nur Sofiyya Khalisah binti Haji Nuurmatin, pelajar Tahun II Nahaawand, Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR), Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU.

Sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam kemudiannya dibacakan oleh Dayang Nur Rodaah binti Haji Asmat, finalis qariah Musabaqah Kebangsaan 1446H/2025M.

Acara Munajat ini turut disertai oleh ahli jawatankuasa takmir dan jemaah dari pelbagai masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.



**ANTARA yang menyertai Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-181 yang diadakan khusus untuk Wanita Kali Ke-24.**

Ia turut disemarakkan dengan penyertaan pelajar-pelajar STAR serta warga kerja KHEU dan keluarga, termasuk individu yang mengikuti secara maya dari kediaman masing-masing.

KHEU menyeru orang ramai untuk terus menyertai acara Munajat yang diadakan pada setiap malam Sabtu secara maya melalui pautan : *https://tiny.cc/munajatkheuwanita*, sebagai satu usaha mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan, mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon perlindungan daripada segala bencana dan penyakit yang berbahaya.

PELITA BRUNEI

# PENDEKATAN JABATAN PENJARA PERLU SEIRING DENGAN KEPERLUAN, KEADAAN SEMASA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

>> Muka 1

Harapan negara dan masyarakat tambah Yang Berhormat lagi, adalah apabila bekas banduan melangkah keluar dari penjara, mereka tidak lagi berminat untuk masuk semula ke dalamnya. Kongsi Yang Berhormat, sesungguhnya, tanamkan dalam jiwa para banduan untuk tidak berputus asa untuk merubah diri kepada yang lebih baik.

"Sebagai hamba Allah, kita tidak boleh mengubah masa lalu tetapi kita boleh mengubah masa depan dengan belajar daripada kesilapan pada masa lalu dan bangkit demi kehidupan yang lebih baik. Dalam hal ini, sokongan daripada ahli keluarga dan masyarakat adalah amat penting agar mereka dapat menempuh liku kehidupan dengan lebih baik," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan masyarakat menaruh harapan yang tinggi kepada Jabatan Penjara untuk melaksanakan serta meneruskan usaha-usaha pemulihan yang sedang dan akan dijalankan agar dapat membina bekas banduan yang terlatih serta pulih sahsiahnya.

Dalam dunia yang sentiasa berubah dan penuh mencabar ini, tambah Yang Berhormat lagi pendekatan Jabatan Penjara juga perlu seiring dengan keperluan dan keadaan semasa. Oleh itu, jelas Yang Berhormat skop dan pelaksanaan program-program pemulihan yang berfokuskan kepada pembangunan sahsiah, latihan kemahiran vokasional dan industri, serta pembinaan rohani dan moral yang sedia ada, perlulah diteruskan dan diperkasakan lagi bagi memastikan keberkesanan proses reintegrasi banduan ke dalam masyarakat.

"Amanah ini perlu ditanai dan ditunaikan dengan sebaiknya agar matlamat untuk melahirkan insan yang berguna dan produktif dapat dicapai melalui program pemulihan yang efektif serta pengintegrasian yang strategik.

"Alhamdulillah, peramba / saya berbesar hati bahawa Program Pengukuhan Jati Diri dari aspek Keagamaan dan Kerohanian melalui penghayatan dan amalan bacaan Al-Quran, hafazan serta amalan berzikir kepada para banduan telah membuahkan hasil yang positif," ujar Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat, Program Hafazan Al-Quran yang diperkenalkan sejak tahun 2014 dengan sokongan daripada Yayasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui pembiayaan elaun tenaga pengajar telah melahirkan seramai 26 banduan yang berjaya menghafaz beberapa juzuk dalam Al-Quran.

Selain itu, tambah Yang Berhormat lagi, seramai empat bekas banduan yang kini berdaftar sebagai Rakan Seliaan masih meneruskan pembelajaran hafazan di bawah pengawasan Bahagian Pemulihan dan Reintegrasi Jabatan Penjara.

Pada tahun 2024, jelas Yang Berhormat dua orang Rakan Seliaan wanita menyertai pertandingan menghafaz Al-Quran berserta pemahamannya dalam Kategori 'B' dan pada tahun 2025, tiga orang Rakan Seliaan wanita turut menyertai pertandingan yang sama, di mana salah seorang daripada mereka berjaya ke peringkat akhir setelah menyertai selama dua tahun berturut-turut.

"Melihat kepada potensi para banduan yang jelas masih boleh dibentuk untuk menjadi insan dan warga yang berguna dan produktif, peramba / saya sukacita menzahirkan penghargaan dan menyambut baik usaha Jabatan Penjara untuk melaksanakan Program Peningkatan Tahap Akademik dan Program Kemahiran Vokasional dan Industri yang akan diberikan kepada banduan-banduan yang berkelayakan.

"Program Peningkatan Tahap Akademik ini akan menyediakan pendidikan di peringkat rendah, menengah dan prauniversiti yang disesuaikan mengikut tahap akademik banduan sebelum mereka menjalani pemenjaraan serta mengambil kira kesediaan dan tempoh pemenjaraan mereka untuk meneruskan pembelajaran," jelas Yang Berhormat.

Manakala dari aspek latihan kemahiran, tambah Yang Berhormat program ini merangkumi pendidikan teknikal dan vokasional dengan menawarkan latihan kemahiran dan pensijilan melalui program seperti ISQ, Ntec, HNTec dan Diploma (BDQF Tahap 5) yang mana ia dilaksanakan dengan sokongan Kementerian Pendidikan serta institusi swasta.

Selain itu, jelas Yang Berhormat lagi, latihan kemahiran industri dan keusahawanan akan turut diberikan yang memfokuskan kepada memberikan banduan kemahiran dalam bidang pertanian dan penternakan yang akan dibantu oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Ini ujar Yang Berhormat, adalah sebagai tambahan kepada program-program vokasional yang sedia ada dijalankan seperti pertukangan kayu, kimpalan, jahitan, tenunan dan kaligrafi. Aktiviti keusahawanan melalui penghasilan produk dan perkhidmatan berasaskan pendekatan learning-by-doing ini dihasratkan menjadi platform yang berkesan dalam usaha pemulihan dan memperkasakan banduan, agar mereka mampu kembali menyumbang kepada masyarakat selaras dengan hasrat kerajaan untuk membina sistem pemulihan yang inklusif dan progresif.

Ujar Yang Berhormat lagi, sokongan daripada pelbagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Aftercare Support Assosiation (AFSA) yang mana banyak membantu Jabatan Penjara dalam memperkasa Aftercare Program bagi Rakan Seliaan, institusi perbankan dan masyarakat dalam membantu memperkukuh peranan Jabatan Penjara sebagai agensi pemulihan amatlah dihargai.

Sehubungan itu, Yang Berhormat ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerjasama erat dengan Jabatan Penjara dalam pelbagai inisiatif dan program, khususnya dalam memperkukuh sistem pemulihan dan menyediakan peluang kedua kepada para banduan untuk berubah dan berharap agar kerjasama ini dapat terus diperkembangkan dan menyokong usaha pemulihan penghuni penjara.

"Alhamdulillah, berdasarkan kepada perangkaan yang diterima dari Bahagian Pemulihan dan Reintegrasi Jabatan Penjara, jumlah pengusaha dalam kalangan Rakan Seliaan adalah meningkat kepada 10 orang pada tahun 2024 berbanding enam orang pada tahun 2023.

"Oleh itu, diharapkan Jabatan Penjara dapat terus berusaha meyakinkan bekas banduan untuk mendaftar sebagai Rakan Seliaan agar perkembangan mereka dapat dipantau dan dibantu melalui kerjasama pihak-pihak berkepentingan, sekali gus membolehkan mereka menjalani kehidupan tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan luar," ujar Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat lagi, sepanjang 71 tahun penubuhannya, Jabatan Penjara juga telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan ke arah sistem pengurusan pentadbiran yang cekap dan berkesan. Ini termasuk projek menaik taraf sistem keselamatan melalui penggunaan teknologi terkini seperti Kamera Litar Tertutup (CCTV) bagi memperkukuhkan lagi kawalan keselamatan.

Selain itu, jelas Yang Berhormat lagi pembinaan Blok Baharu Penjara Maraburong Fasa IV di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11, yang merangkumi pembinaan bangunan tambahan tempat tinggal banduan, menaik taraf dapur dan bengkel vokasional di kawasan Fasa I. Di bawah RKN Ke-12 pula, pembinaan Blok Baharu Penjara Maraburong Fasa V juga akan dibina iaitu khusus untuk menempatkan banduan wanita yang kini masih ditempatkan di Penjara Jerudong.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya mengongsikan dengan adanya Kompleks Penjara Wanita ini, Jabatan Penjara dapat mengoptimumkan penempatan anggotanya yang akan berpusat di Penjara Maraburong. Selain Kompleks Penjara Wanita, di bawah Fasa V, ia juga akan merangkumi pembinaan Kompleks Gerak Khas, Kompleks Ibu Pejabat, Bangunan Bilik Persenjataan, Flat Perumahan serta pembesaran dapur di Penjara Maraburong Fasa III dan penaiktarafan Bilik Persenjataan di Fasa I dan Fasa III.

"Peramba / saya juga turut mengambil maklum akan perkembangan kerjasama Gerak Khas Jabatan Penjara bersama pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dalam usaha untuk mempertingkatkan kemahiran pengendalian ancaman serangan di dalam Institusi Penjara. Inisiatif ini merangkumi latihan taktikal seperti Close Quarter Battle (CQB) serta demonstrasi penggunaan senjata api dalam pertunjukan simulasi senario kecemasan daripada Anggota Gerak Khas Penjara.

"Peramba / saya mengalu-alukan kerjasama strategik seperti ini dan hendaklah diteruskan bagi membolehkan kedua-dua pihak meneroka dan mengaplikasikan amalan terbaik (iaitu *best practices*) dalam mempertingkatkan kemahiran dalam 'Unarmed Combat' serta pengurusan logistik yang berkaitan," ujar Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berucap pada majlis berkenaan.

Di peringkat serantau, tambah Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Kerajaan Malaysia telah menandatangani Triti Pemindahan Banduan Antarabangsa (ITOP) di Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2023 semasa Mesyuarat Tahunan Ketua-ketua Negara bagi kedua-dua buah negara.

Dengan termeterainya triti ini jelas Yang Berhormat bukan sahaja mengeratkan hubungan dua hala di antara NBD dan Malaysia, khususnya kedua-dua buah Jabatan Penjara, malah mempunyai tujuan strategik dalam menjaga kebajikan banduan warganegara masing-masing. Ia juga memudahkan keluarga untuk membuat lawatan dan menyokong pengintegrasian semula banduan ke dalam masyarakat mengikut bangsa, budaya dan agama masing-masing.

Sebelum mengakhiri ucapan, Yang Berhormat menyeru sama-sama berdoa agar pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara terus diberi kekuatan dan panduan dalam memikul amanah dengan cemerlang demi keamanan, kestabilan dan keharmonian NBD.

"Usaha untuk meletakkan Jabatan Penjara ke aras kecemerlangan memerlukan kerjasama yang menyeluruh oleh setiap anggota dan masyarakat. Sikap profesionalisme, ketabahan dan integriti yang tinggi perlu menjadi asas kepada setiap pegawai dan anggota, agar Jabatan terus mendapat kepercayaan masyarakat, selaras dengan misi Jabatan Penjara iaitu untuk memberi perlindungan, keselamatan dan pemulihan kepada banduan supaya mereka kembali menjadi insan sempurna dan kembali ke pangkuan masyarakat setelah dibebaskan," jelas Yang Berhormat lagi.

# Majlis Perbarisan Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-71, Tahun 2025 (atas), manakala gambar kanan, majlis juga menyaksikan satu demonstrasi oleh anggota Gerakan Khas Jabatan Penjara (Ambush Drill, Close Quarter Battle, Search & Rescue) dan pertunjukan Senario Kecemasan daripada anggota Gerakan Khas Jabatan Penjara.



**TUTONG**, Sabtu, 3 Mei. - Majlis Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-71, Tahun 2025 telah diadakan hari ini bertempat di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman. Atur cara majlis dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan anggota Jabatan Penjara oleh tetamu kehormat dan kemudiannya Pegawai Pemerintah Perbarisan meminta kebenaran untuk menjalankan tugas-tugas seterusnya.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat telah menyampaikan ucapan. Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara bagi Tahun 2024 dan Tahun 2025 kepada seramai 81 pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara. Adapun penganugerahan tersebut diberikan adalah sebagai penghargaan dan pengiktirafan jabatan terhadap jasa dan perkhidmatan yang cemerlang.

Majlis juga menyaksikan satu demonstrasi oleh anggota Gerakan Khas Jabatan Penjara (Ambush Drill, Close Quarter Battle, Search & Rescue) dan pertunjukan Senario Kecemasan daripada anggota Gerakan Khas Jabatan Penjara. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Penjara, Awang Md. Hafizuddin bin Awang Haji Madoon.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan KHEDN, ketua-ketua cawangan daripada agensi -agensi kerajaan Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan jemputan-jemputan khas lain.

# MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2025

**BELAIT**, Sabtu, 3 Mei. - Rumah bukan sekadar tempat tinggal, tetapi ia adalah ruang utama untuk mencari ketenangan jiwa.

Ketenangan itu tidak bergantung kepada saiz atau kemewahan rumah, sebaliknya lahir daripada jiwa-jiwa yang mendiami dan mengisinya dengan nilai-nilai kebaikan.

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati tazkirah bertajuk 'Jalan Ke Syurga Bermula di Rumah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi pada Majlis Kesyukuran sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2025, bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, di sini.

Menurut Awang Ahmad Muzhafar lagi, rumah juga merupakan tempat pertama dalam membina insan-insan soleh serta menjadi medan utama untuk meraih kunci-kunci menuju syurga.

"Hakikatnya, rumah sebenar kita adalah di syurga dan perjalanan ke arah itu bermula dengan cara kita membina, mengurus dan menghidupkan rumah kita di dunia ini," ujarnya lagi.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2025.**

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Imam Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Awang Abdul Azim bin Haji Adzid@Haji Abdul Majid.

Majlis juga diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Hari Keluarga yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, JHEM, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminnuddin.

Majlis Kesyukuran sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2025, yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah disertai lebih daripada 200 orang.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Hari Keluarga Kebangsaan, Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak; pegawai-pegawai kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung,

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

penduduk-penduduk kampung, persatuan-persatuan, rakan-rakan strategik dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis.

# Meningkatkan keberkesanan pengajaran, pembelajaran dalam kelas



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (kiri dan kanan), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**KATOK**, Sabtu, 3 Mei. - Platform digital pendidikan dihasratkan dapat meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, di samping memudah cara pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar di persekolahan Arab dan Ugama.

Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Islam (JPI) mengadakan Majlis Pelancaran dan Pertandingan Platform Digital Pendidikan bagi Persekolahan Arab dan Ugama, yang berlangsung di Auditorium Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok, pada pagi tadi.

Majlis telah dirasmikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim, yang turut menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada para pemenang pertandingan bagi Kategori Sekolah Arab, iaitu Sekolah Arab Belait; manakala Kategori Sekolah Ugama ialah Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, selaku Pengerusi Majlis.

Penyediaan platform tersebut merupakan kesinambungan usaha JPI dalam menyediakan peralatan komputer, capaian internet dan prasarana lain ke arah menyokong pelaksanaan *blended learning* di persekolahan Arab dan ugama.

Majlis berkenaan juga diadakan sebagai penghargaan kepada pihak sekolah yang telah memberikan sokongan padu dalam menjayakan Program At-Tatweer, iaitu program latihan bagi meningkatkan kompetensi guru-guru persekolahan Arab dan ugama.

Selain penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan, majlis turut menyaksikan penyampaian Hadiah Penghargaan Khas kepada Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit sebagai pelopor platform tersebut.

Sekolah berkenaan juga telah berjaya meraih sagu hati dalam Anugerah Inovasi Perdana (AIP) bagi 2023, di samping penglibatan mereka sebagai pemudah cara bengkel kepada 21 buah sekolah ugama.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan, sebelum tetamu kehormat majlis menyaksikan pameran pertandingan yang diadakan di ruang an-Naura, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Pertandingan tersebut telah dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, dengan kerjasama Bahagian Sekolah Arab dan Bahagian Sekolah Ugama, JPI.



# 4 PEGAWAI DSSB BERLEPAS KE ARAB SAUDI



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Darussalam Holdings Sendirian Berhad hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**>> Muka 1**

Dalam satu kenyataan, Awang Haji Mahmud berkata, pihaknya akan mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan pelbagai pihak bagi memastikan semua perancangan mengenai logistik seperti hotel, pengangkutan dan penyusunan bilik serta makanan berjalan dengan lancar.

Bagi Musim Haji 1446 Hijrah / 2025 Masihi, daripada jumlah 1,000 kuota yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi, seramai 506 bakal jemaah akan mengikuti Pakej DSSB dalam tiga pakej iaitu Pakej Delima (Premium), Pakej Fairuz (Sederhana) dan Pakej Zamrud (Ekonomi), termasuk 13 orang pegawai.

Sebanyak empat penerbangan haji telah diaturkan untuk membawa para bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang akan mula berangkat pada 15 Mei 2025 bagi penerbangan pertama, seterusnya 16 Mei penerbangan kedua, 17 Mei penerbangan ketiga dan 18 Mei penerbangan keempat.

Pada tahun ini, DSSB berbesar hati memberikan cenderahati berupa bagasi dan pelbagai barangan serta buku panduan kepada setiap bakal jemaah haji.

# Mesyuarat bincang persediaan Hari Keputeraan

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**





MESYUARAT dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara dan turut dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri). Manakala gambar kiri sekali dan bawah kanan, antara yang hadir pada mesyuarat berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 3 Mei. - Mesyuarat Pertama Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) antara lain membincangkan persediaan dan persiapan bagi mengadakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Peringkat DBM.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim itu turut membincangkan pembubaran dan pelantikan jawatankuasa - jawatankuasa perayaan dengan harapan agar perancangan dan persiapan bagi setiap majlis atau acara sampingan bersempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda dilaksanakan dengan penuh kemeriahan dan kegembiraan di samping menjaga rapi aspek kesihatan, kesejahteraan, keamanan serta keselamatan orang ramai, peserta dan ahli-ahli jawatankuasa.

Dalam ucapannya, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak turut mengongsikan bahawa Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk DBM akan dimaklumkan kemudian dengan tema pada tahun ini iaitu 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara'.

Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak seterusnya menyampaikan ucapan terima kasih di atas kerjasama semua ahli jawatankuasa ke arah sama-sama menjayakan acara-acara Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 pada tahun lepas khususnya kepada jawatankuasa yang merangka dan menyelaras dengan jayanya persembahan khas sebagai kemuncak acara perayaan berkenaan.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, timbalan-timbalan pengerusi, ketua-ketua jabatan, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan-pertubuhan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 Peringkat DBM.



## HALUAN

# Kembalinya Penerbangan RB Ke Beijing simbol kemajuan, jambatan persahabatan kedua-dua negara

**>> Muka 2**

Sebagai entiti utama berkaitan kerajaan, RB, terus memainkan peranan penting dalam membentuk Brunei di persada antarabangsa dan daya tahan ekonomi.

Memandang ke hadapan, syarikat penerbangan RB mengambil langkah untuk meningkatkan pengalaman perjalanan melalui pembaharuan armada yang dirancang dan pengubahsuaian pesawat sedia ada yang mencerminkan komitmen berterusan terhadap kecemerlangan perkhidmatan, kecekapan operasi dan daya saing jangkap panjang. Dengan itu, saya ingin melanjutkan penghargaan ikhlas kepada RB, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kedutaan Republik Rakyat China atas kerjasama erat dalam menjayakan pelancaran semula ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada ramai individu sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung yang telah bekerja dengan gigih di belakang tabir untuk menjayakan acara hari ini.

Saya yakin bahawa penyambungan semula penerbangan Brunei - Beijing yang diperbaharui akan membuka peluang baharu dalam pelancongan, perdagangan dan pertukaran rakyat dengan rakyat, memperkayakan lagi ikatan persahabatan dan kerjasama antara dua negara besar kita. Terima kasih.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# MESYUARAT JAWATANKUASA SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN PERINGKAT DAERAH TUTONG




**MESYUARAT Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Daerah Tutong, Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong. Hadir sama pada mesyuarat tersebut Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman**

**TUTONG**, Sabtu, 3 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Daerah Tutong, Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Mesyuarat didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Nor Affindy bin Norsabah.

Antara agenda mesyuarat berkenaan ialah membincangkan mengenai persediaan acara-acara rasmi sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Daerah Tutong, Tahun 1446H/2025M.

Mesyuarat juga membincangkan mengenai cadangan acara-acara sektoral termasuk acara-acara keagamaan, kemasyarakatan dan kesukanan serta Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam bagi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan Sekolah-sekolah Menengah Seluruh Negara.

Antara tujuan lain mesyuarat berkenaan diadakan adalah bagi melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Daerah Tutong Tahun 1446H/2025M.

Hadir sama pada mesyuarat tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kanan jabatan kerajaan cawangan Daerah Tutong, ahli-ahli jawatankuasa sambutan perayaan serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong.



**ANTARA yang hadir pada mesyuarat berkenaan.**

# Semangat perpaduan, pastikan kesiapsiagaan Sambutan Hari Keputeraan



**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Jabatan Daerah Belait**



**MESYUARAT dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait dan dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas kiri), manakala gambar atas kanan dan bawah kiri, antara yang hadir pada mesyuarat tersebut.**

**BELAIT,** Sabtu, 3 Mei. - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 Peringkat Daerah Belait antara lain membincangkan persediaan dan perancangan awal bagi mengadakan sambutan perayaan tahun ini bagi Daerah Belait.

Mesyuarat yang berlangsung di Dewan Santap, Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait itu dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad juga membincangkan tarikh Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait, kem-kem peserta, lokasi pintu gerbang, acara-acara keraian dan juga diselajurkan dengan pembubaran dan pelantikan jawatankuasa jawatankuasa perayaan.



Dalam ucapannya, Awang Haji Amirol Hafidzin menjelaskan bahawa kehadiran ahli jawatankuasa ke mesyuarat sambutan kali ini mencerminkan perhatian dan komitmen tinggi terhadap jawatankuasa perayaan bagi sama-sama berusaha sedaya upaya untuk melaksana dan mengungkayahkan persediaan dan persiapan dalam menyemarak, memeriah dan *membisaikan* lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 pada tahun ini.

“Bagi pihak jawatankuasa kebangsaan dan seluruh warga kerja yang terlibat, peramba / saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan junjung kasih / terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dan sumbangan yang tidak ternilai semasa sambutan tahun lalu.

“Kejayaan majlis tersebut merupakan hasil daripada persediaan rapi oleh Ahli Jawatankuasa Perayaan dan Jawatankuasa Kerja Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Ke-78 pada tahun 2024. Pelaksanaan yang lancar ini turut didorong oleh kerjasama yang erat serta semangat perpaduan yang kukuh dalam kalangan semua lapisan masyarakat di daerah ini,” ujarnya.

Awang Haji Amirol Hafidzin amat menghargai sokongan yang berterusan daripada masyarakat, yang bukan sahaja hadir untuk memeriahkan acara tetapi turut menyumbang dari segi tenaga, kreativiti dan semangat kebangsaan.

Jelasnya lagi, penglibatan aktif rakyat jelata mencerminkan kasih sayang dan penghormatan yang mendalam Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, seorang raja berjiwa rakyat, yang sentiasa menjadi sumber ilham dan pemimpin berwawasan dalam memacu kemajuan negara.

“Adalah diharapkan supaya jawatankuasa sambutan perayaan ini serta jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang akan dibentuk akan dapat berusaha dengan gigih merancang semua acara agar ia dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

“Adalah amat penting juga bagi jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk meneliti dengan sebaik-baiknya apa jua teguran, pandangan dan nasihat yang diberikan bagi memastikan kelancaran, kemeriahan dan kesempurnaan acara-acara pada tahun ini berjalan dengan baik, teratur dan sempurna,” ujarnya.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat; Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat dan Pemangku Penghulu Mukim Sukang, ketua-ketua cawangan dan jabatan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

# MENGGALAKKAN PENGGUNAAN SUMBER SEJARAH SEBAGAI BAHAN RUJUKAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad



**ANTARA yang hadir pada Program Ceramah Sejarah Borneo Siri Ke-13 bertemakan 'Manuskrip Sumber Warisan Sejarah' di Bangunan PenBORNEO, Kampung Anggerek Desa.**

**BERAKAS**, Sabtu, 3 Mei. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Pusat Pengkajian Borneo (PenBORNEO) hari ini menganjurkan Program Ceramah Sejarah Borneo Siri Ke-13 bertemakan 'Manuskrip Sumber Warisan Sejarah' di Bangunan PenBORNEO, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Objektif program tersebut antaranya bertujuan untuk menambah pembangunan koleksi bahan rujukan sejarah di Bahagian PenBORNEO dan menggalakkan penggunaan sumber sejarah sebagai bahan rujukan.

Selain itu, program berkenaan juga memberi ruang dan peluang kepada para pembentang untuk mengongsikan, menyampaikan dan menjelaskan informasi serta maklumat bagi tajuk atau fokus perbincangan.

Hadir selaku tetamu khas, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Dua pembentang yang dijemput bagi menjayakan Program Ceramah Sejarah Borneo berkenaan ialah Profesor Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah; dan Awang Hanafi bin Haji Salleh.

Manakala Moderator bagi program berkenaan ialah Pengiran Ahmad Hasanuddin bin Pengiran Haji Tejuddin.

Selain pembentangan, program turut mengetengahkan Bengkel Asas Manuskrip Sejarah yang diadakan pada sebelah petang. Ia diterangkan dan ditunjuk cara oleh Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim.

Para peserta bengkel terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), juga mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, UBD dan Politeknik Brunei.

Dengan adanya program berkenaan, ia dapat mempromosi PenBORNEO sebagai institusi sumber rujukan sejarah dan dijadikan sebagai platform kepada para pengkaji, penyelidik sejarah, sejarawan dan belia amnya untuk menggali ilmu serta maklumat yang terdapat dalam manuskrip sejarah.

Program berkenaan juga dihasratkan agar para peserta mengetahui tentang kepentingan dan sumbangan manuskrip dalam kajian sejarah.



**PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong hadir selaku tetamu khas.**



**PROFESOR Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah semasa membuat pembentangan.**

# ATM : Mempromosi kepelbagaian produk pelancongan NBD

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**EMIRIAH ARAB BERSATU**, Sabtu, 3 Mei. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan berbesar hati untuk memulakan penyertaannya di Arabian Travel Market (ATM) 2025, yang diadakan dari 28 April hingga 1 Mei 2025 di Pusat Dagangan Dunia Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

ATM berperanan sebagai pintu masuk ke perjalanan global dan pertumbuhan industri pelancongan, sekali gus menjadi platform penting untuk industri perdagangan pelancongan yang menghimpunkan semua sektor termasuk pelancongan santai, mewah, acara korporat dan perjalanan perniagaan.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) menggariskan komitmennya untuk mengukuhkan kehadirannya di pasaran Timur Tengah, menjalin kerjasama strategik dan mempamerkan tawaran pelancongannya yang pelbagai kepada khalayak antarabangsa yang lebih luas.

Jabatan Kemajuan Pelancongan disertai oleh enam agensi utama, termasuk syarikat penerbangan nasional, ejen pelancongan dan wakil perhotelan, yang terlibat dalam siri pertemuan Business-to-Business (B2B) yang bertujuan untuk mempromosi produk pelancongan NBD kepada pemain utama industri pelancongan terkemuka dari rantau ini dan seluruh dunia.

Hari pertama ATM 2025 menyaksikan sambutan mengalakkan dan interaksi yang bermakna di reruai NBD. Bertemakan 'Royal Heritage, Islamic Grandeur and Untamed Nature', slogan berkenaan menggambarkan daya tarikan unik NBD dan bertujuan untuk menarik minat pengunjung.

Produk pelancongan NBD turut disokong oleh sambungan penerbangan terus antara NBD dan Dubai melalui Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), yang menyediakan akses mudah untuk pelancong Timur Tengah merasai pengalaman NBD sebagai destinasi ekopelancongan yang sedang berkembang di Asia Tenggara.

Untuk meningkatkan lagi kehadiran NBD di ATM 2025, satu sesi rangkaian kerjasama yang dianjurkan bersama Lembaga Pelancongan Sarawak diadakan pada 1 Mei 2025, yang mengalu-alukan kira-kira 50 profesional industri pelancongan dan wakil media.

Acara berkenaan memperkenalkan 'Echoes of Borneo', satu kempen pelancongan kerjasama antara Jabatan Kemajuan Pelancongan NBD dan Lembaga Pelancongan Sarawak, yang bertujuan untuk mempromosi pelancongan dua destinasi secara lancar.

Kempen berkenaan menonjolkan warisan budaya yang kaya, landskap semula jadi yang asli, dan tawaran pelancongan berasaskan pengembaraan kedua-dua destinasi, dihubungkan dengan mudah melalui laluan Dubai-NBD-Sarawak.

Timur Tengah muncul sebagai rantau yang menawarkan peluang untuk destinasi Asia Tenggara. Penglibatan NBD di ATM 2025 mencerminkan usaha strategik untuk membina hubungan peringkat awal, meningkatkan kesedaran destinasi pelancongan, dan meneroka sinergi dengan pihak berkepentingan pelancongan di rantau ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan tawaran pelancongan NBD, layari laman sesawang rasmi pelancongan NBD di *www.bruneitourism.com* atau *@info.bruneitourism* di Instagram.

**PENYERTAAN Negara Brunei Darussalam menggariskan komitmennya untuk mengukuhkan kehadirannya di pasaran Timur Tengah, menjalin kerjasama strategik, dan mempamerkan tawaran pelancongannya yang pelbagai kepada khalayak antarabangsa yang lebih luas (kanan dan bawah kiri).**






# IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN daripada bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) yang hadir sempena Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



SUASANA mengharukan pertemuan antara sahabat semasa Majlis Perjumpaan 50 Tahun Penuntut Tingkatan 4 Tahun 1975 Maktab SOAS yang diadakan di Dewan Serambi Batil, Tarindak D'Seni, Bandar Seri Begawan. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



PELANCARAN kemudahan Makmal Perkhidmatan Dosimetri Radiasi (Radiation Dosimetry Service Laboratory - RDSL) dan Stesen Pemantauan Kadar Dos Radiasi Gamma (Gamma Dose Rate Monitoring Station - GDRMS) merupakan pencapaian penting dalam pemantauan radiasi negara. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna yang diraikan pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang bagi Peperiksaan Awam BCGCE Peringkat 'O' dan IGCSE Tahun 2024, di Dewan Utama, sekolah berkenaan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

ANTARA warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang mengenakan pakaian mengikut tema Reruai sempena Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri KHEU bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



ANTARA aksi peserta Pertandingan Pencak Silat Jemputan Sekolah Sukan 2025 bertempat di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie. - Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin.



ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ
سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ
وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذکر بچاءن يڠ ممباوا کبراونتوڠن ساڠت بسر
## کڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء)

### (1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

### (2)

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

### (3)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

### (4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

### (5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**
IV (III & IV) sahaja

**Kategori:**
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DDS 017 / 2025 – (SEW).T.IV

**Nama Projek:**
Menaik Taraf Loji Rawatan Kumbahan Los Tanjong, Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
13 Mei 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Jun 2025.
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**
III & IV sahaja

**Kategori:**
B01 & KPB02

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM006 / 2025

**Bil. Projek:**
2025DBSBM/JUB.01

**Nama Projek:**
Kerja-kerja Pembaikan Bagi Masjid lampung Lumapas (*Retender*)

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
13 Mei 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
27 Mei 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**
II & III sahaja

**Kategori:**
B01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM005 / 2025

**Bil. Projek:**
2025DBSBM/JUB.02

**Nama Projek:**
Kerja-kerja Pengubahsuaian Bangunan-bangunan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi Kampus Sinaut, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
13 Mei 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
27 Mei 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**1. Bilangan Tawaran:**
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 09

**Tajuk Tawaran:**
Sebut Harga Membekal Dan Memasang Khemah Bagi Upacara Menaikkan Dan Menurunkan Bendera Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Daerah Tutong

**2. Bilangan Tawaran:**
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 10

**Tajuk Tawaran:**
Sebut harga Bagi Perkhidmatan Sewaan, Membekal Dan Memasang Sistem P.A, Sistem Bunyi Dan Sistem Pencahayaan Bagi Latihan Dan Acara Kemuncak Persembahan Khas Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Daerah Tutong

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 14 Mei 2025.

**1. Bilangan Tawaran:**
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 07

**Tajuk Tawaran:**
Sebut Harga Membekal Dan Memasang Khemah Roder Tentage Bagi Acara Pentas Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Daerah Tutong

**2. Bilangan Tawaran:**
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 08

**Tajuk Tawaran:**
Sebut Harga Perkhidmatan Sewaan, Membekal Dan Memasang Sistem P.A, Sistem Bunyi Dan Sistem Pencahayaan Bagi Acara Pentas Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Daerah Tutong

**3. Bilangan Tawaran:**
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 11

**Tajuk Tawaran:**
Sebut Harga Bagi Menyediakan Dan Membekal Persantapan/Perjamuan Semasa Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Daerah Tutong

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 14 Mei 2025.

JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Sebut Harga:**
(20) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

**Tajuk:**
Membekalkan Perkhidmatan Pembekalan Jamuan Secara Berkontrak Selama Satu (1) Tahun

**Yuran:**
BND5.00 (Lima Ringgit Sahaja)

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 15 Mei 2025.
Jam 8.00 Pagi.

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Tawaran Bilangan:**
JDBM / Q / 35 / 2025

**Tawaran:**
Membekalkan Kayu Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Jambatan-Jambatan Utama Keseluruhan Mukim Di Kampong Ayer, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
20 Mei 2025.

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Tawaran:**
JPH / MYCE2025 / SH / 2546 / 2025 - 2026
Menyediakan Kelengkapan dan Membekalkan LED Screen And Launching Mechanism Di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Bagi Acara Conference On Forest To Reef Bersempena Mid-Year Conference And Exhibition (MYCE) 2025

**Tarikh dan Jam Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 15 Mei 2025.
2.00 Petang.

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

**Kelas:**
III, IV & V

**Kategori:**
S01

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
5 Mei 2025. (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
27 Mei 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup Pada:**
3 Jun 2025. (Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang.

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BKP / T009 / 2025**
Perkhidmatan Kutipan dan Pembuangan Sampah Daripada Pusat-Pusat Pengumpulan Sampah Di Dearah Brunei-Muara Bagi Tempoh Lima (5) Tahun.

**No. Projek:**
JASTRE / BKP / T009 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND 500.00 (*Non Refundable*)

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 12 / UP / 04

**Tajuk Sebut Harga:**
Service And Refill Fire Extinguisher And Exit Sign Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 14 / UP / 06

**Tajuk Sebut Harga:**
General Work Of Gerai Tamu Selera Bandar Seri Begawan

**Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 13 / UP / 05

**Tajuk Sebut Harga:**
Renovation Of Gerai Tamu Selera Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh dan Jam Tutup:**
Khamis, 8 Mei 2025.
Jam 2:00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh:**
Bahagian Pemuliharaan dan Kenderaan Diperoleh Dari Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Di Tingkat 2, Bangunan Pejabat Unit Khidmat Bantu dan Pemeliharaan, Spg 594, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan.

**Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 11 / BPPK / 06

**Tajuk Sebut Harga:**
Sebut harga Bagi Kontrak Penggal Selama Satu Tahun (12 Bulan) Untuk Perkhidmatan Pengendalian Pengutipan Sampah Dan Beg Plastik Di Bawah Kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh dan Jam Tutup:**
Khamis, 8 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh:**
Unit Kenderaan, Seksyen Perkhidmatan Kenderaan dan Pengutipan Sampah, Bahagian Perkhidmatan Perbandaran dan Kebersihan

**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Sebut Harga:**
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 01

**Tajuk:**
Penyediaan Meeting Venue Untuk Mesyuarat BIMP-EAGA Statistics And Database Working Group

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
7 Mei 2025.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran Perkhidmatan Kantin**

**MOE / LTK / 04 / 2025 / 2026 [DA(BPPA-APRIL-2025)]**
Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Kantin Ibu Pejabat, Kementerian Pendidikan, Jalan Airport Lama, Berakas, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 05 / 2025 / 2026 [DA(BPPA-APRIL-2025)]**
Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND2,198.00 Sebulan

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 04 / 2025 / 2026 dan MOE / LTK / 05 / 2025 / 2026:**
BND15.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu:**
Selasa,
13 Mei 2025.
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**Syarat Khas:**
Dibukakan Khas Bagi Warga Negara Dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Hendaklah Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan 16 / 17) Ditempat Kantin Berkenaan Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Yang Beralamat Di Daerah Brunei Muara Yang Dapat Dipertimbangkan Untuk Mengendalikan Kantin Di Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di Daerah Brunei Muara

**JABATAN DAERAH BELAIT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**1. Sebut Harga:**
JDB / 5.1 / JAMUAN MEJA UTAMA / F / 2025

**Nama Projek:**
Tawaran Menyediakan Santapan Pagi Untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Berserta Kerabat Diraja Seramai 7 Orang dan Jamuan Tengah Hari Untuk Meja Utama Seramai 49 Orang Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2025

**2. Sebut Harga:**
JDB / 5.2 / JAMUAN VIP / F / 2025

**Nama Projek:**
Tawaran Menyediakan Santapan Pagi Untuk VIP Seramai 60 Orang Di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait Dan Jamuan Tengah Hari Untuk Vip Seramai 356 Orang Di Dewan Santap Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2025

**3. Sebut Harga:**
JDB / 5.3 / KEK PUJA USIA / F / 2025

**Nama Projek:**
Tawaran Menyediakan Kek Puja Usia Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2025

**4. Sebut Harga:**
JDB / 5.4 / MAKANAN SECARA BERPEK / F / 2025

**Nama Projek:**
Tawaran Menyediakan Makanan Secara Berpek Berserta Air Mineral Botol Kecil Bagi Acara Latihan Dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2025

**5. Sebut Harga:**
JDB / 5.5 / MAKANAN SECARA BUFFET / F / 2025

**Nama Projek:**
Tawaran Menyediakan Makanan Secara Bufet Bagi Acara Latihan Dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2025

**6. Sebut Harga:**
JDB / 5.6 / AIR MINERAL / F / 2025

**Nama Projek:**
Tawaran Membekalkan Air Mineral Botol Kecil Bagi Acara Latihan Dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2025

**7. Sebut Harga:**
JDB / 5.7 / JAMUAN JEMPUTAN LUAR SANTAP / F / 2025

**Nama Projek:**
Tawaran Menyediakan Jamuan Tengah Hari Untuk Jemputan Seramai 250 Orang Di Luar Dewan Santap Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2025.

**8. Sebut Harga:**
JDB / 5.8 / MBP(BERPEK) DAN MBF(BUFFET) / F / 2025

**Nama Projek:**
Tawaran Menyediakan Makanan Secara Bungkusan (Berpek) dan Secara Bufet Bagi Acara Persembahan Pentas Malam Perayaan dan Acara Sampingan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun Bagi Daerah Belait, 2025.

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
27 Mei 2025, Selasa.
Jam 2.00 Petang.

**PERATURAN PENGIKLANAN**
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**
BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 1 / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
To Design, Print, Fabricate, And Install Posters For The Ministry Of Primary Resources And Tourism.

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
17 April 2025, Khamis.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
22 Mei 2025, Khamis.

**Jam:**
2.00 Petang

**Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan):**
21 April 2025, Isnin.

**Jam:**
Semasa waktu bekerja

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

---

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Tawaran**

Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam **Peti Lembaga Tawaran Kecil, KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-**

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 27 Mei 2025.**

**JPt / TAW / 01 / 2025-2026:**
Membekal Baja Sebatian NPK 12:12:17:2 Sebanyak 3,300 Beg (50kg / Beg) Bagi Bantuan Insentif Jabatan.

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
Borang Tawaran
BND15.00

---

**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT, DIVISYEN PENGURUSAN KORPORAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat, Kementerian Pembangunan**

**Notis Sebut Harga**

**Bil. Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q02
Invitation To Supply, Delivery, And Testing of A3 Color Laserjet Printer For Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka:**
Isnin, 28 April 2025.

**Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:**
Khamis, 8 Mei 2025.

**Tarikh Tutup:**
Isnin, 12 Mei 2025.
Jam sebelum 9.00 Pagi.

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**1. Keterangan Projek:**
Supply And Delivery Of Dust Bin For Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Bilangan Tawaran:**
01 / BBS / DBBPJBKBS / 2025 - 2026

**2. Keterangan Projek:**
Remove Of Litters During And After Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat At Padang Bandaran Kuala Belait Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun Peringkat Daerah Belait, Tahun 2025

**Bilangan Tawaran:**
01 / BBS / SH / 2025 – 2026

**3. Keterangan Projek:**
Remove Of Litters At Gerai Perayaan Kawasan Tudung Saji Jalan Setia Diraja Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun Peringkat Daerah Belait, Tahun 2025

**Bilangan Tawaran:**
02 / BBS / SH / 2025 - 2026

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND5.00 (*Non–Refundable*)

**Tarikh Tutup:**
14 Mei 2025

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**1. Bilangan Tawaran:**
(18) JBS / ADM /QC / 2025

**Keterangan:**
Membekalkan Mesin Pengisar Kertas (Shredder Machine) Jenis "Heavy Duty" Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Prasarana & Estet Dan Bahagian Pentadbiran Cawangan Daerah Temburong

**2. Bilangan Tawaran:**
(19) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Membekalkan Meja "Banquet Cocktail Table" Berserta Lapik Yang Berjahit

**3. Bilangan Tawaran:**
(20) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Kelengkapan Peralatan Aktiviti Perkhemahan Bahagian Belia, Jabatan Belia dan Sukan

**4. Bilangan Tawaran:**
(22) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Thirty Six (36) Months Term Contract For General Pest Control Services At Hassanal Bolkiah National Stadium, Berakas

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
8 Mei 2025.

---

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas III, IV & V**

**Kategori KPB12**

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
30 April 2025. (Rabu)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
20 Mei 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup Pada:**
27 Mei 2022. (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang.

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T007 / 2025**
Kerja-Kerja Pemeliharaan Di Pekan Muara (Termasuk Roundabout Pekan Muara), Negara Brunei Darussalam Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T007 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00 (*Non Refundable*)

**Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas III, IV & V**

**Kategori S07**

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
30 April 2025. (Rabu)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
20 Mei 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup Pada:**
27 Mei 2022. (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang.

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T008 / 2025**
Kerja-Kerja Pemotongan dan Pencantasan Pokok Untuk Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (FSOR) – Zon C.

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T008 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Non Refundable)

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran:**
The Supply, Delivery, Installation And Testing Of Frequency Recording System For Air Traffic Backup Sets At Department Of Civil Aviation
**ATELS / 2025 / SH - 22**

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
30 April 2025, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
6 Mei 2025, Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
7 Mei 2025, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



# كلبيهن دان كإستيميوأن ممبينا مسجد

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كفدن. سسڠڬوهن اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة النور أية ٣٦:

تفسيرڽ:

**(جهاي ايت برسينر ترأوتامڽ) درومه-رومه عبادت (مسجد) يڠ الله ڤرينتهكن سوڤاي دملياكن دان دسبوت نام الله ددالمڽ. (اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان) برتسبيح كفدڽ ددالمڽ ڤد وقتو ڤاڬي دان ڤتڠ.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

مسجد مروڤاكن سبايك-بايك تمڤت دموك بومي كران اي اداله رومه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، تمڤت يڠ سوچي، تمڤت بركومڤولڽ سكل كبايكن، تمڤت اورڠ-اورڠ إسلام برعبادت دان مڠعبديكن ديري كفد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. مسجد جوڬ مروڤاكن شعار أكام إسلام دان مسجد جوڬ اداله تمڤت يڠ ڤاليڠ دسوكاي اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. درڤد أبو هريرة رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **أَحَبُّ الْبِلاَدِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا وَأَبْغَضُ الْبِلاَدِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا.**

مقصودڽ:

**تمڤت يڠ ڤاليڠ دسوكاي الله ددالم سسواتو نڬري ايت اياله مسجد-مسجدڽ مانكالا تمڤت يڠ ڤاليڠ الله بنچي اياله ڤاسر-ڤاسرڽ. {حديث رواية إمام مسلم}**

ممندڠكن مسجد ايت اداله تمڤت يڠ ڤاليڠ دسوكاي اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، مك رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مڠارهكن اورڠ-اورڠ إسلام يڠ تيڠڬل دسواتو تمڤت سام اد دبندر، مقيم دان كامڤوڠ اونتوق ممبينا مسجد. ڤرينته اين دجلسكن دالم حديث رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يڠ دروايتكن اوليه إمام ترمذي، درڤد عائشه رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهَا : **أَمَرَ رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ بِبِنَاءِ المَسَاجِدِ فِي الدُّورِ، وَأَنْ تُنظَّفَ وَتُطَيَّبَ.**

مقصودڽ:

**رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ميوروه ممبينا مسجد-مسجد دتمڤت-تمڤت (ڤركمڤوڠن) دان ميوروه ممبرسيهكن دان ممبري هاروم .**

إستيميواڽ مسجد ايت دالم اكام كيت اياله سهيڠڬ ڤمبينأن مسجد دسدياكن كنجارن يڠ بسر. اورڠ-اورڠ يڠ مڠهولوركن سومبڠن اونتوق ممبينا مسجد مك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اكن منديريكن رومه اونتوقڽ دشرڬ. ڤركارا اين سلارس دڠن سبدا رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، درڤد جابر بن عبدالله رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُمَا، سسوڠڬوهڽ رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلَّهِ، كَمَفْحَصِ قَطَاةٍ، أَوْ أَصْغَرَ، بَنَى اللهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ.**

مقصودڽ:

**سياڤ يڠ ممبينا مسجد كران الله سكاليڤون هاڽ سڤرتي سارڠ بوروڠ اتاو لبيه كچيل مك الله اكن ممبينا اونتوقڽ رومه ددالم شرڬ. {حديث رواية إبن ماجه}**

حديث اين مندوروڠ كيت سلاكو اومة اسلام انتوق ترليبة برسام-سام ممبري سومباڠن دالم ممبيايإي دان ممبينا مسجد يڠ مروڤاكن ڤلابوران عمل اتو ڤون سهم اخيرة يڠ ساڠة بسر كنجارنڽ. لواسڽ رحمة دان كموراهن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كفد همبا-همباڽ اين منونتوت كيت اكر تيدق منسيا-سياكنڽ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيت دنڬارا بروني دارالسلام اين أمت برشكور كران ممڤوڽإي راج يڠ ساڠت مڠمبيل برت دان ڤريهاتين ترهادڤ كهيدوڤن برأكام دنڬارا اين. اين تربوقتي اڤبيل كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر على سيف الدين سعد الخير والدين سلطان دان يڠ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام تله ممڤركننكن ڤنوبوهن تابوڠ دانا باڬي ڤمبينأن مسجد نڬارا بروني دارالسلام .

تابوڠ اين اداله ساتو واده يڠ دسدياكن اوليه كراجأن باڬي ممودهكن اورڠ راماي خاصڽ رعيت دان ڤندودوق نڬارا اين اونتوق مرإيه كنجرن دالم ممبينا مسجد والاو دالم جومله يڠ سديكيت. اين كران جومله سومبڠن كيت والاوڤون كچيل نامون إي تتڤ بسر دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. ڤمبينأن سبواه مسجد ايت اداله دصيفتكن سباڬاي وقف. هرتا وقف سباڬيمان يڠ كيت كتهوي اداله ترماسوق دالم صدقه دان عمل جارية. درڤد أبو هريرة رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ إنْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُولَهُ.**

مقصودڽ:

**اڤبيل سسأورڠ منيڠڬل دنيا، مك ترڤوتوسله سكل عملن كچوالي تيڬ ڤركارا، يإيت صدقه جارية، علمو يڠ برمنفعة، دان أنق صالح يڠ مندعاءكن كدوا إيبو باڤڽ. {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، ڤد كتيك اين ڤرخدمتن ڤسانن ريڠكس (SMS) تابوڠ دانا باڬي ڤمبينأن مسجد نڬارا بروني دارالسلام تله دبوكاكن كفد اورڠ راماي مولاءي ٢٧ مچ ٢٠٢٥ يڠ لالو هيڠڬ ٣١ دسيمبر ٢٠٢٥. ڤرخدمتن اين ممبري ڤلواڠ كفد اورڠ راماي خصوصڽ أومت إسلام دنڬارا اين باڬي مڠإنفقكن دان ممبلنجاكن هرتا دڠن نية سباڬاي عباده دان مليڤتڬنداكن عمل كباجيقن سمات-مات باڬي مرإيه كنجرن ڤهلا يڠ دجنجيكن اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

حاصيل كوتيڤن تابوڠ دانا باڬي ڤمبينأن مسجد، نڬارا بروني دارالسلام اكن دڬوناكن باڬي ممبينا مسجد بهارو، ممبايك ڤوليه دان منمبه باڠونن مسجد. موده-مودهن سكل يڠ كيت صدقهكن دان إنفقكن دڠن تولوس إخلاص دتريما اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دان موده-مودهن دڠن يڠ دمكين كيت اكن منداڤت كريضأن، كبركتن دان رحمة يڠ برڤنجاڠن درڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. آمين يا ربَّ العالمين.

تفسيرڽ:

**ڤرأومڤمأن اورڠ-اورڠ يڠ ممبلنجاكن هرتا مريك ڤد جالن الله سامله سڤرتي (منانم) سبيجي بنيه يڠ منومبوهكن توجوه تڠكاي، تياڤ-تياڤ ساتو تڠكاي ڤولا مڠاندوڠي سراتوس بيجي. دان الله اكن مڠڬنداكن ڤهلا باڬي سسياڤ يڠ دكهندقيڽ. دان الله مها لواس (رحمة دان ليمڤه كورنياڽ) لاڬي مها مڠتهوي.** { سورة البقرة أية: ٢٦١ }

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

Pelita Brunei

# TIMBA PENGALAMAN, MENINGKATKAN KEBOLEHAN PENGAJARAN BAHASA ARAB

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**



**PENOLONG Rektor (Akademik) UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad; Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah serta beberapa tenaga akademik dan pegawai fakulti berkenaan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Dr. Zulamali@Abdul Aziz bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Matassan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 3 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) menghantar salah seorang tenaga akademik tempatan, iaitu Dr. Zulamali@Abdul Aziz bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Matassan bagi mengikuti Program Latihan Pendidikan Pakar Bahasa Arab yang dianjurkan oleh King Salman Academy For Arabic Language yang akan diadakan pada 4 Mei 2025 sehingga 1 Jun 2025 bertempat di Jeddah, Arab Saudi.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Penolong Rektor (Akademik) UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad; Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah serta beberapa tenaga akademik dan pegawai fakulti berkenaan.

Program yang diadakan selama empat minggu berkenaan adalah bagi memperkembangkan kebolehan tenaga pengajar bahasa Arab bagi bukan penuturnya.

Program berkenaan dijangkakan akan diisi dengan penerangan teori, latihan praktikal, aktiviti dan lawatan lapangan.

Usaha seumpamanya menunjukkan bahawa FBA dan UNISSA menyokong sepenuhnya dalam usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ke-4 dan ke-17, iaitu pendidikan bermutu dan kerjasama demi matlamat.

Program diharapkan agar dapat menambahkan lagi pengalaman dan meningkatkan lagi kualiti kebolehan pengajaran bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya melahirkan pakar-pakar dalam bidang berkenaan sesuai dengan tuntutan global di era digital.

Ia juga seterusnya diharapkan akan dapat menjadi sumbangan yang berkualiti tinggi dan pemangkin bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

# Tingkatkan kompetensi qari, qariah belia

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 3 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dalam usahanya untuk meningkatkan lagi piawaian dan kualiti penganjuran Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan telah mengadakan Program Kemahiran Al-Quran (KIA) bagi penganjuran musabaqah pada tahun ini.

Program yang diadakan selama dua hari bermula 3 Mei hingga 5 Mei 2025 ini memberi penekanan kepada aspek-aspek penting dalam bidang taranum Al-Quran, termasuk lagu, suara, *fasahah* dan tajwid.

Seramai 80 peserta yang terlibat dalam Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan telah diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam setiap aspek ini melalui latihan intensif di bawah bimbingan khusus daripada pakar-pakar dalam bidang tersebut.

Program ini juga memfokuskan kepada pembelajaran dalam bidang taranum Al-Quran yang bertujuan untuk mempersiapkan para qari dan qariah belia agar mampu bertanding pada tahap yang terbaik dan bermutu tinggi.

Objektif utama daripada program ini adalah untuk memastikan bahawa para qari dan qariah belia yang mengikuti musabaqah Al-Quran nanti dapat bertanding dengan penuh keyakinan dan kecekapan yang tinggi.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan mutu pertandingan dengan menyelaraskan format dan penilaian penghakiman di Peringkat Belia Kebangsaan dan Peringkat Dewasa Kebangsaan.

Dalam sesi-sesi bengkel, para peserta telah diberi latihan khusus yang dirancang untuk memperbaiki kemahiran mereka dalam membaca Al-Quran dengan betul mengikut peraturan tajwid yang betul, memahami makna-makna yang terkandung dalam Al-Quran serta olahan suara dan lagu yang sesuai dan tersusun.

Di samping itu, sebagai nilai tambah, para peserta juga telah berpeluang untuk mengikuti aktiviti-aktiviti yang berbentuk kepimpinan dan pembangunan diri yang dihasratkan supaya akan dapat mengilap potensi diri para peserta.

Program ini diharapkan ia akan dapat memberi impak positif dalam meningkatkan kompetensi qari dan qariah belia serta meningkatkan mutu Pertandingan Tilawatil Quran secara keseluruhan.

Ini adalah langkah positif dalam mendukung perkembangan bakat-bakat belia dalam bidang keagamaan di negara ini dan seterusnya melahirkan generasi Al-Quran.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Saringan akan diadakan pada 14 hingga 17 Mei 2025 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan bagi memilih peserta untuk ke peringkat seterusnya iaitu peringkat separuh akhir dan peringkat akhir.



**ANTARA yang hadir pada Program Kemahiran Al-Quran.**





**SEBAHAGIAN yang menyertai Program Kemahiran Al-Quran bagi penganjuran musabaqah pada tahun ini (kiri dan kanan).**



# 8 KESALAHAN DIKESAN SEMASA OPERASI WASPADA





**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa menjalankan Operasi Waspada 83/2025 (kiri dan kanan).**

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 3 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 83/2025 di Kampung Jerudong pada 29 April 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan kedai makan telah mendapati sebanyak lapan kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 10, tiada menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis; Bab 39, gagal membayar gaji kerja lebih masa; Bab 63, gagal memberikan cuti rehat; Bab 64, bekerja pada hari rehat; Bab 65, pekerja bekerja melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan; Bab 70, gagal memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 71, gagal memberikan cuti tahunan; dan Bab 112(1), menggaji pekerja asing tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis kepada pekerja-pekerja, membayar gaji kerja lebih masa, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu, memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan dan tidak menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain dan memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja di bawah jaminan selaras dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh.

Untuk maklumat lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).




# Memperkasa kefahaman, penghayatan terhadap Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BELAIT**, Sabtu, 3 Mei. - Membaca Al-Quran merupakan langkah awal dalam berinteraksi dengan kitab suci umat Islam. Namun, interaksi ini tidak terhenti di situ sahaja. Ia seharusnya diteruskan dengan *tadabbur* iaitu merenung dan memahami makna Al-Quran secara mendalam. Seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian dan disebarluaskan melalui pengajaran.

Aktiviti *tadabbur* ini amat penting dalam meningkatkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan membangkitkan rasa *izzah* (kemuliaan) terhadap Al-Quran. Ia juga memperkukuh penghayatan dalam amalan beragama serta memupuk kesedaran bahawa Al-Quran adalah panduan utama dalam kehidupan.

Selaras dengan usaha memperkasa kefahaman dan penghayatan terhadap Al-Quran, satu Program Tadabbur Ayat-ayat Syifaa Al-Quran telah diadakan pagi tadi anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Daerah Belait.

Sesi *tadabbur* telah disampaikan oleh Pegawai Ugama (Perantis), Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dr. Nooraimah binti Sibuang.

Beliau menekankan bahawa *tadabbur* bukan sekadar memahami makna ayat, tetapi juga menghayatinya dalam konteks kehidupan seharian agar ia benar-benar memberi kesan dalam pembentukan peribadi Muslim yang sejati.

Program seperti ini dihasratkan menjadi wadah yang berterusan dalam usaha membudayakan Al-Quran dalam kehidupan masyarakat Islam, terutamanya kaum wanita, demi mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Program ini bertujuan untuk membantu para Muslimah mendalami maksud ayat-ayat Al-Quran melalui penjelasan tafsir yang menyeluruh, khususnya ayat-ayat yang berkaitan dengan penyembuhan (syifa).

Di samping itu, ia turut bertujuan memberi pengetahuan terhadap rahsia, mukjizat serta tuntutan sebenar dalam Al-Quran.





**SUASANA Program Tadabbur Ayat-ayat Syifaa Al-Quran yang diadakan anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Daerah Belait (atas kanan dan kanan).**

**Belia Berwawasan**



# Sentiasa istiqamah mempelajari tarannum Al-Quran

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Dk. Siti Ummi Syazana Pg. Haji Marjuki

BELIA merupakan aset yang paling berharga dan sebagai generasi penerus bangsa untuk masa depan kita. Adalah sangat penting juga bagi para belia memantapkan diri mereka dengan ilmu agama kerana ilmu agama ini juga yang akan membimbing dan sebagai bekalan mereka di akhirat kelak. Mengamalkan bacaan ayat suci Al-Quran adalah salah satu cara mengejar ilmu berkenaan.

Ruangan Belia Berwawasan kali ini menampilkan seorang belia yang telah dinobatkan sebagai johan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan pada 22 April 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas baru-baru ini. Beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang pembacaan ayat suci Al-Quran dan sering kali menyertai pertandingan membaca ayat suci Al-Quran di peringkat negara dan antarabangsa.

**Profil**

Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki berumur 30 tahun, berkelulusan Bachelor of Science (Hons) in Chemical Science, Universiti Brunei Darussalam dan bekerja sebagai Pegawai Pelajaran.

Semasa ditemu bual, beliau telah menceritakan bagaimana timbul minat dalam bidang pembacaan Al-Quran ini.

"Alhamdulillah, minat dalam tarannum Al-Quran bermula daripada usia kanak-kanak yang mana ketika kanak-kanak saya dan keluarga sering menonton tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia dan menyaksikan wakil Negara Brunei Darussalam mengikuti musabaqah tersebut dan menyaksikan sendiri kejayaan mereka di televisyen".

Apabila ditanya siapakah pembakar semangat beliau dalam menceburi bidang Al-Quran ini, "Setentunya pembakar semangat dan pendorong ialah keluarga sendiri, guru-guru dan rakan-rakan yang mana mereka tidak pernah putus untuk memberi semangat, tunjuk ajar dan bimbingan".

Menyentuh mengenai perasaan beliau setelah dinobatkan johan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa baru-baru ini, jelasnya, "Alhamdulillah di atas rezeki yang Allah kurniakan, setentunya ia memang satu rezeki yang tidak disangka-sangka. Semoga Allah terus memberi petunjuk dan hidayah untuk terus memperbaiki bacaan dan mengamalkan segala isi kandungan Al-Quran, insyaaAllah".

**Latar belakang penglibatan dalam bidang pembacaan Al-Quran**

• 2005 - 2006 : Johan membaca Al-Quran Peringkat Sekolah Ugama (Kategori B).
• 2006 : Wakil negara peringkat Kanak-kanak MABIMS ke Kuala Lumpur, Malaysia dan mendapat tempat Ke-3.
• 2007-2008 : Johan membaca Al-Quran Peringkat Sekolah Ugama (Kategori A).
• 2009 : Tempat ke-3 membaca Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan.
• 2010 : Tempat ke-3 membaca Al-Quran Peringkat Sekolah Menengah.
• 2011-2015 : Tempat ke-2 membaca Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan.
• 2016 : Johan membaca Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan.
• 2017 : Tempat ke-4 membaca Al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan.
• 2018 dan 2019 : Tempat ke-3 membaca Al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan.
• 2019 : Mewakili negara dan johan membaca Al-Quran Peringkat Belia Asia Tenggara.
• 2020 : Johan membaca Al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan.
• 2022 : Mewakili negara dan mendapat tempat ke-4 Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.
• 2023 : Tempat ke-3 membaca Al-Quran peringkat Dewasa Kebangsaan.
• 2024 : Naib johan membaca Al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan.
• 2025 : Wakil negara dan mendapat tempat ke-4 Peringkat Antarabangsa di Jakarta, Republik Indonesia.
• 2025 : Johan membaca Al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan.

**Penglibatan awal dalam pembacaan Al-Quran**

Penglibatan awal dalam bidang tarannum bermula sejak kanak-kanak lagi ketika berumur 7 tahun yang mana ibu bapa beliau mula mengajarnya tarannum asas dan seterusnya menggalakkannya untuk mengikuti pertandingan peringkat kanak-kanak. Setelah meningkat dewasa, beliau mula menambah latihan-latihan bersama guru-guru yang lebih berpengalaman dan alhamdulillah perkara ini masih berterusan hingga sekarang.

**Pengalaman sepanjang menceburi bidang pembacaan Al-Quran**

Beliau pernah mengikuti pertandingan musabaqah bermula dari peringkat kanak-kanak, peringkat sekolah menengah, peringkat belia kebangsaan, peringkat dewasa kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

**Pencapaian yang diperoleh**

• Peringkat Belia Kebangsaan : Johan tahun 2016 dan 2019.
• Peringkat Dewasa Kebangsaan : Johan tahun 2020 dan 2025.
• Peringkat Antarabangsa Kuala Lumpur, Malaysia : Tempat ke-4 tahun 2022.
• Peringkat Antarabangsa Jakarta, Republik Indonesia : Tempat ke-4 tahun 2025.

**Cabaran yang dilalui, cara mengatasinya**

Cabaran yang ada setentunya masa, kerana dalam memastikan latihan yang cukup, beliau juga harus memastikan mendapat rehat yang cukup dan dapat meluangkan masa bersama keluarga beliau. Dan dalam masa yang sama beliau sentiasa bersiap sedia dari segi kesihatan mental dan fizikal contohnya bersenam sekurang-kurangnya 40 minit hingga satu jam dalam sehari.

**Perancangan masa depan**

Menurut Dayangku Siti Ummi Syazana, insyaAllah, kemenangan yang diperoleh itu bukanlah penamat tetapi satu permulaan untuk diri beliau untuk terus memperbaiki dan memperdalamkan lagi ilmu Al-Quran khususnya dalam bidang tarannum.

"Perancangan saya selepas ini adalah untuk terus berguru kepada yang lebih arif, memperkemaskan tajwid dan tarannum. Semoga Allah terus memberi kekuatan untuk sentiasa istiqamah dalam mempelajari bidang tarannum Al-Quran," ujarnya lagi.

**Harapan, nasihat, pesanan kepada belia Brunei**

"Harapan saya dan nasihat ini bukan sahaja saya tujukan untuk belia Brunei, akan tetapi untuk diri saya sendiri. Dalam mempelajari ilmu Al-Quran, kita hendaklah sentiasa istiqamah, walaupun pembelajaran itu perlahan tapi teruskanlah belajar tanpa berhenti. Seperti dalam satu petikan Inggeris *slow progress is still progress, quitting won't make it any faster*. Dalam kita mempelajari ilmu, hendaklah sentiasa berguru untuk membimbing dan memperbetulkan segala kesilapan dan kekeliruan yang ada".




# Kongsikan teknik asas kaunseling

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Jabatan Penerangan dan Ihsan Belia IMTIYAZ**

**KESIHATAN** mental sememangnya salah satu isu kesihatan yang dihadapi di seluruh dunia termasuklah di Negara Brunei Darussalam. Isu ini perlu ditangani dengan memelihara tahap kesihatan mental yang baik, mengenal pasti punca gejala-gejala mental, mendapatkan bantuan dan intervensi awal ataupun rawatan yang tepat.

Isu kesihatan mental kini menjadi stigma terhadap kesihatan mental dan kekurangan perkhidmatan kaunseling di kawasan luar bandar negara ini menyebabkan trauma tidak dirawat, keganasan rumah tangga, penyalahgunaan dadah, konflik keluarga, dan tekanan belia. Dalam hal ini, pendekatan inklusif terutamanya di kawasan luar bandar dikenal pasti mampu mengurangkan stigma terhadap isu kesihatan mental di negara ini.

Menyedari hal ini, satu program yang memberikan pendedahan mengenai teknik asas kaunseling dalam menangani masalah mental telah diungkayahkan baru-baru ini. Dikenali sebagai 'Sangkut : Pengenalan Asas Kaunseling Bagi Belia-belia Kampung dan Mukim' telah diadakan selama tiga hari bermula 21 hingga 23 April, bertempat di BIGBWN Bolkiah Community Development Centre, Kampung Bolkiah 'A', Bandar Seri Begawan.

### Objektif

Dihadiri oleh seramai 30 peserta terdiri daripada belia dan beliawanis dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) program yang memberikan kemahiran asas kaunseling untuk membentuk rangkaian Mental Health Champions dalam komuniti ini antara lain mempunyai objektif untuk meningkatkan kecekapan pemimpin komuniti dalam memberikan sokongan emosi kepada individu yang mengalami tekanan psikologi serta menggalakkan pembudayaan nilai empati dan komunikasi terbuka dalam kalangan masyarakat. Selain itu program juga mempunyai objektif ke arah menyokong usaha mengurangkan stigma terhadap isu kesihatan mental melalui pendekatan yang inklusif dan berasaskan maklumat serta sebagai pendedahan kepada pemimpin komuniti mengenai teknik asas kaunseling secara sistematik dan berkesan.

### Aktiviti

Pelbagai aktiviti telah disusun di sepanjang tiga hari program diadakan bagi meningkatkan kemahiran asas kaunseling para peserta. Pada hari pertama program, para peserta program berpeluang meningkatkan pengetahuan mengenai kaunseling dan kesihatan mental, mendengar secara aktif dan empati serta latihan peranan dan refleksi kumpulan. Hari kedua pula mereka berpeluang meningkatkan kemahiran praktikal dan membina kepercayaan serta menangani perbualan yang sukar. Para peserta juga membuat kajian kes dan latihan aplikasi teknik kaunseling. Manakala pada hari ketiga merupakan kemahiran praktikal yang termasuk etika dan sempadan dalam kaunseling serta menangani stigma dalam komuniti.

### Manfaat program

Program yang menyokong salah satu Wawasan Brunei 2035 iaitu rakyat berpendidikan dan berkualiti hidup tinggi sememangnya memberikan banyak manfaat kepada para peserta termasuklah menguasai teknik kaunseling asas untuk digunakan dalam interaksi bersama ahli komuniti; mengenal pasti tanda-tanda tekanan emosi dan memberi sokongan awal kepada individu yang memerlukan. Selain itu para peserta setentunya mengetahui cara berkomunikasi secara berkesan dengan mereka yang menghadapi cabaran kesihatan mental; melakukan intervensi dengan selamat dalam situasi seperti mencederakan diri atau keganasan rumah tangga dan mengendalikan sesi sokongan bulanan di kampung masing-masing sebagai Mental Health Champions. Melalui program ini juga secara tidak langsung mempromosikan kesejahteraan mental serta membina suasana yang menyokong dalam komuniti.

Dengan pengendalian program anjuran CureHeart Brunei dan Ali Yusri Aspire Group (A.Y.A.G), dengan kerjasama MPMK serta belia, IMTIYAZ Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini diharap akan dapat meningkatkan kemahiran asas kaunseling para peserta ke arah membentuk rangkaian Mental Health Champions dalam komuniti masing-masing.



PELITA BRUNEI

# MENERAPKAN PROSES NXPLORERS DALAM PENDIDIKAN STEAM

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan







**SESI penutup bagi Kursus Training of Trainers (TOT) NXplorers yang diadakan di Bangunan (Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy-BDLTA) (kiri dan kanan).**

**SUNGAI KEBUN**, Sabtu, 3 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy-BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidik, dengan kerjasama Seria Energy Lab (SEL) dan Brunei Shell Petroleum (BSP), telah mengadakan sesi penutup bagi Kursus Training of Trainers (TOT) NXplorers yang berlangsung di Bangunan BDLTA.

Kursus selama enam hari berkenaan diadakan dari 22 April hingga 3 Mei 2025, melibatkan penyertaan 24 guru sekolah rendah daripada Program STEAM Education and Skills (SES) serta enam guru sekolah menengah yang mengajar subjek Business, Art and Technology (BAT).

Kursus tersebut bertujuan untuk memperkukuh pelaksanaan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM) di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Antara objektif utama kursus tersebut adalah untuk membekalkan para peserta dengan kemahiran menyelesaikan isu-isu dunia sebenar dan mengaplikasikan pemikiran kritis secara berkesan.

Di samping itu, bagi menggalakkan kerjasama di peringkat global, para peserta akan mengongsikan Projek Perubahan yang dihasilkan melalui platform NXplorers serta menerima maklum balas dan berkongsi pandangan bersama rakan-rakan NXplorers dari seluruh dunia.

Program tersebut dirangka berasaskan tiga pendekatan pembelajaran utama. Pertama, Pemikiran Sistem (Systems Thinking), yang menekankan pemahaman terhadap gambaran besar serta hubungan antara elemen dalam sesuatu sistem secara menyeluruh.

Sementara kedua, Perancangan Senario (Scenario Planning), yang bertujuan meneroka pelbagai kemungkinan alternatif masa depan. Manakala ketiga, Teori Perubahan (Theory of Change), yang digunakan untuk merancang bagaimana dan mengapa sesuatu perubahan dijangka berlaku.

Kursus tersebut disampaikan oleh fasilitator dari SEL, iaitu Ketua SEL, Dr. Nur Karnina binti Karim; dan Ketua Pameran dan Pendidikan SEL, Awang Allen Jaffran Angi.

Manakala, kursus tersebut diselaraskan oleh Awang Mohamad Zuno Kartono bin Haji Ali dan Dayang Koh Guat Gee dari Unit Tenaga Pengajar, BDLTA, Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan.

Kursus berkenaan diharapkan dapat meningkatkan kecekapan peserta dalam menyelaras dan memimpin sesi latihan untuk guru-guru lain di sekolah dan kluster masing-masing, khususnya dalam menerapkan proses NXplorers dalam pendidikan STEAM.

# PPDB tumpaskan 3 cubaan seludup barang tegahan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei








**PASUKAN Polis Diraja Brunei berjaya mematahkan tiga percubaan penyeludupan barang tegahan ke dalam negara menerusi beberapa operasi pencegahan dan pemantauan jenayah yang dijalankan secara berterusan (kiri sekali, kiri dan bawah kiri).**

**TEMBURONG**, Ahad, 4 Mei. - Dalam minggu-minggu kebelakangan ini, Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya mematahkan tiga percubaan penyeludupan barang tegahan ke dalam negara menerusi beberapa operasi pencegahan dan pemantauan jenayah yang dijalankan secara berterusan.

Operasi-operasi berkenaan telah membawa kepada rampasan sejumlah 300 karton rokok, 204 botol minuman keras serta 10 kilogram (kg) sayap ayam beku, yang dipercayai telah diseludup.

Rampasan ini adalah hasil daripada rondaan rutin dan tindakan berdasarkan maklumat risikan di kawasan Daerah Temburong, yang dikenal pasti sebagai antara lokasi berisiko tinggi.

Dalam ketiga-tiga kes tersebut, beberapa buah kenderaan telah berjaya dikesan dan ditahan.

Walau bagaimanapun, siasatan lanjut masih dijalankan bagi menjejaki individu-individu yang bertanggungjawab, termasuk pemandu yang melarikan diri dan meninggalkan kenderaan bersama barang tegahan.

Kenderaan-kenderaan terlibat berserta barang rampasan telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk tindakan lanjut mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

PPDB ingin mengingatkan orang ramai bahawa penglibatan dalam sebarang aktiviti penyeludupan atau pemilikan barang tegahan adalah satu kesalahan serius yang boleh dikenakan hukuman berat.

Tindakan sedemikian bukan sahaja menyalahi undang-undang tetapi turut mendatangkan kesan buruk terhadap kesejahteraan diri dan keluarga.

PPDB akan terus komited dalam usaha membanteras dan menghalang kegiatan penyeludupan di seluruh negara, dan menyeru kepada masyarakat untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan kepada balai polis berdekatan atau melalui Talian Kecemasan 993.

# LAPAN NEGARA OPEC+ TINGKATKAN PENGELUARAN MINYAK PADA JUN

**RIYADH**, 4 Mei. - Lapan negara anggota OPEC+ yang sebelum ini mengumumkan pelarasan tambahan secara sukarela pada April dan November 2023, mengadakan mesyuarat secara maya pada Sabtu bagi menilai keadaan dan unjuran pasaran global, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Negara-negara itu ialah Arab Saudi, Rusia, Iraq, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Kuwait, Kazakhstan, Algeria dan Oman.

Sehubungan dengan asas pasaran semasa yang kukuh, seperti yang dibuktikan oleh paras inventori minyak yang rendah, serta selaras dengan keputusan yang dicapai pada 5 Dis 2024 untuk memulakan pengembalian secara beransur-ansur dan fleksibel terhadap pelarasan sukarela sebanyak 2.2 juta tong sehari bermula 1 April 2025, kesemua lapan negara berkenaan akan melaksanakan pelarasan pengeluaran sebanyak 411,000 tong sehari pada Jun 2025, berbanding tahap pengeluaran yang ditetapkan bagi Mei 2025.

Jumlah ini bersamaan dengan tiga kenaikan bulanan. Peningkatan secara berperingkat itu boleh dihentikan atau diubah bergantung kepada perkembangan pasaran.

Pendekatan ini membolehkan kumpulan itu terus menyokong kestabilan pasaran minyak. Lapan negara OPEC+ berkenaan turut menyatakan bahawa langkah terbabit akan memberi peluang kepada negara-negara itu untuk mempercepatkan usaha pampasan mereka.

Mereka juga mengulangi komitmen bersama untuk mencapai pematuhan penuh terhadap Deklarasi Kerjasama, termasuk pelarasan pengeluaran secara sukarela tambahan yang dipersetujui untuk dipantau oleh Jawatankuasa Pemantauan Bersama Menteri (JMMC) dalam mesyuarat ke-53 pada 3 April 2024.

Lapan negara OPEC+ itu akan mengadakan mesyuarat bulanan bagi menyemak semula keadaan pasaran, tahap pematuhan dan kemajuan dalam pelaksanaan pampasan. Mesyuarat seterusnya dijadualkan pada 1 Jun 2025 untuk menetapkan paras pengeluaran bagi Julai. - ©BERNAMA

# Rakyat Australia keluar mengundi di tengah kesukaran ekonomi, ketidakpastian dasar luar

**ANKARA,** 3 Mei. - Rakyat Australia mula mengundi pada Sabtu dalam pilihan raya persekutuan yang dibayangi kebimbangan ekonomi yang semakin mendalam, peralihan geopolitik global serta kekecewaan pengundi terhadap dua parti utama negara itu, lapor Anadolu Ajansi.

Lebih 18 juta pengundi berdaftar menunaikan tanggungjawab masing-masing di bawah sistem pengundian wajib negara itu.

Suruhanjaya Pilihan Raya Australia memaklumkan bahawa seramai 4.8 juta pengundi telah mengundi awal setakat Khamis. Parti Buruh yang diketuai Perdana Menteri Anthony Albanese kini berusaha mempertahankan penggal kedua selepas memperoleh majoriti tipis pada 2022. Pesaing utama ialah Gabungan Liberal-Nasional yang kini diketuai oleh Peter Dutton.

Jika kedua-dua blok tidak memperoleh sekurang-kurangnya 76 kerusi daripada 150 kerusi di Dewan Perwakilan, Australia mungkin sekali lagi menyaksikan pembentukan kerajaan minoriti, seperti yang berlaku pada 2010.

Separuh daripada 76 kerusi Senat turut dipertandingkan. Isu ekonomi menjadi tumpuan utama sepanjang kempen, dengan inflasi, peningkatan kos sara hidup dan kemampuan perumahan mendominasi perdebatan.

Penganalisis politik Nathan Fioritti menyatakan bahawa kedua-dua parti utama bergelut untuk menawarkan penyelesaian yang kukuh. "Sokongan mungkin beralih kepada parti-parti kecil seperti Greens yang mencadangkan dasar lebih bersifat transformasi," katanya seperti dipetik Anadolu.

Fioritti meramalkan corak pengundian akan menyamai pilihan raya 2022, apabila Parti Buruh dan gabungan pembangkang masing-masing memperoleh kira-kira 30 peratus undi. "Terdapat kekecewaan yang semakin memuncak terhadap status quo politik," katanya.

Walaupun isu domestik lebih dominan, kebimbangan antarabangsa turut mempengaruhi sentimen pengundi. Penggal kedua Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump telah membawa ketidakpastian dalam hal ehwal global, mendorong pengundi untuk menilai parti mana yang lebih layak mengurus hubungan Australia-AS.

Namun, pakar percaya faktor Trump kekal sebagai kebimbangan sampingan berbanding isu ekonomi. "Bayangan Trump ada, tetapi bukan isu utama," kata Charles Miller dari Australian National University.

Mengenai hubungan luar, kedua-dua parti utama dijangka mengekalkan penjajaran strategik Australia dengan Amerika Syarikat sambil berurusan secara berhati-hati dengan China dalam hal perdagangan.

Sementara itu, mengundi adalah satu kewajipan di Australia dengan kegagalan mengundi boleh dikenakan denda A$20 (US$13).

Sejak diperkenalkan pada 1924, kadar keluar mengundi sentiasa melebihi 90 peratus, menjadikan Australia antara negara dengan penyertaan demokrasi tertinggi di dunia.

Pusat mengundi ditutup pada 6 petang waktu tempatan.

Kertas undi akan dikira sejurus selepas tamat pengundian, namun keputusan mungkin tidak diumumkan pada malam pilihan raya, terutama jika pertandingan sengit. Undi pos akan dikira dalam beberapa hari berikutnya. - ©BERNAMA

# Gangguan bekalan elektrik di Bali selesai, bukan serangan siber - PLN Indonesia

**JAKARTA**, 3 Mei. - Syarikat elektrik Indonesia PT PLN (Persero) mengesahkan gangguan bekalan elektrik di pulau percutian popular Bali baru-baru ini berpunca daripada masalah teknikal dan bukannya serangan siber.

"Gangguan itu telah dikenal pasti sebagai isu teknikal dalam sistem penghantaran atau pengagihan PLN dan bukan akibat serangan siber," kata Pengarah Pengagihannya, Adi Priyanto dalam kenyataan video.

PLN bertindak pantas menangani gangguan yang berlaku pada 4 petang waktu tempatan Jumaat dengan menghantar ratusan pekerja dan memulakan kerja pemulihan dalam masa 45 minit. Bekalan elektrik pulih sepenuhnya pada 3.56 pagi Sabtu.

"Secara teknikal, terdapat petunjuk gangguan pada sistem penghantaran kabel bawah laut, tetapi punca sebenar masih dalam siasatan," kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Darmawan Prasodjo.

Kementerian Sekretariat Negara menjelaskan gangguan itu berpunca daripada kerosakan kabel bawah laut yang menghubungkan grid elektrik Jawa dan Bali, menyebabkan semua stesen janakuasa di Bali terpaksa ditutup sementara.

Menteri Prasetyo Hadi, yang juga jurucakap Presiden Prabowo Subianto, berkata kerajaan memantau rapat situasi itu dan berusaha memulihkan perkhidmatan awam secepat mungkin.

Gangguan elektrik itu menjejaskan bekalan di beberapa kawasan, termasuk Denpasar, Badung, Gianyar dan Tabanan serta menjejaskan kemudahan penting seperti hospital, lapangan terbang dan pelabuhan. - ©BERNAMA

# Yaman lantik Menteri Kewangan sebagai perdana menteri baharu

**ADEN (Yaman)**, 4 Mei. - Majlis Kepimpinan Presiden (PLC) Yaman pada Sabtu melantik Menteri Kewangan, Salem Saleh Braik sebagai perdana menteri baharu negara itu susulan peletakan jawatan Ahmed Awad Mubarak, lapor Xinhua.

Menurut agensi berita rasmi Saba, keputusan itu dibuat hanya beberapa jam selepas Ahmed Awad meletak jawatan dengan alasan kekangan perlembagaan dan halangan yang menghalang usaha reformasinya.

Salem Saleh memegang jawatan Menteri Kewangan sejak 2019 dan sebelum itu berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Kewangan. Beliau juga pernah menyandang beberapa jawatan penting dalam sektor kewangan dan pentadbiran sepanjang kerjayanya.

Kenyataan rasmi turut memaklumkan bahawa semua menteri sedia ada akan kekal dalam portfolio masing-masing, manakala Ahmed Awad akan dilantik sebagai penasihat kepada Presiden PLC.

Dalam kenyataan peletakan jawatannya, Ahmed Awad menyatakan beliau menghadapi "pelbagai kesukaran", termasuk ketidakupayaan untuk merombak kerajaan dan melaksanakan reformasi penting akibat kekangan kuasa perlembagaan.

Ahmed Awad, yang mula memegang jawatan pada Februari 2024, sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Menteri Luar dan Duta Yaman ke Amerika Syarikat.

Yaman terjerumus dalam konflik sejak 2014 apabila kumpulan Houthi menawan ibu negara Sanaa, memaksa kerajaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa memindahkan operasinya ke Aden. - ©BERNAMA

# 653 mangsa gempa bumi di Myanmar diselamatkan

**YANGON**, 3 Mei. - Seramai 653 mangsa berjaya diselamatkan setakat Khamis oleh pasukan penyelamat susulan gempa bumi dengan magnitud 7.9 yang melanda Myanmar, menurut laporan akhbar harian milik kerajaan Myanma Alinn pada Jumaat yang dipetik Xinhua.

Operasi mencari dan menyelamat digerakkan oleh pasukan tempatan dan antarabangsa. Setakat Khamis, sebanyak 779 mayat turut berjaya ditemukan, menurut laporan itu.

Gempa bumi bermagnitud 7.9 melanda Myanmar pada 28 Mac lepas. Sehingga 1 Mei, bencana itu telah meragut 3,835 nyawa dan mencederakan 5,105 orang, sementara 105 lagi masih dilaporkan hilang, menurut data rasmi. - ©BERNAMA

# Seorang maut, empat cedera dalam nahas helikopter di timur China

**NANJING (China)**, 3 Mei. - Seorang maut manakala empat lagi cedera selepas sebuah helikopter terhempas di bandar Suzhou, wilayah Jiangsu di timur China, menurut pihak berkuasa tempatan pada Sabtu, lapor agensi berita Xinhua.

Nahas berlaku kira-kira 5 petang waktu tempatan apabila helikopter jenis Robinson R44 II itu jatuh dari ketinggian kira-kira 10 meter ketika dalam penerbangan pulang, menurut biro pengurusan kecemasan tempatan.

Seorang individu yang berada di darat semasa kejadian disahkan maut manakala empat individu di dalam helikopter cedera. Mereka telah dibawa ke hospital dan dilaporkan tidak berada dalam keadaan mengancam nyawa.

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Wilayah Jiangsu mengetuai siasatan berhubung punca nahas. - ©BERNAMA




# PASAR KITANI CHARITY BRISKWALK KUMPUL DANA UNTUK NGO PENDIDIKAN KHAS




**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Acara Pasar Kitani Charity Briskwalk yang berlangsung di Pusat Agribisnes Rimba.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

**RIMBA**, Ahad, 4 Mei. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan pagi tadi menganjurkan Acara Pasar Kitani Charity Briskwalk yang berlangsung di Pusat Agribisnes Rimba.

Acara amal berkenaan antara lain bertujuan untuk mengumpul sumbangan dana daripada individu perseorangan dan syarikat-syarikat untuk didermakan kepada dua Badan Bukan Kerajaan (NGO), iaitu SMARTER Brunei dan Learning Ladders Society.

Sebanyak BND16,252 berjaya dikumpulkan, dengan keseluruhan sumbangan disalurkan sepenuhnya kepada kedua-dua NGO tersebut.

Dana ini akan digunakan untuk membantu operasi perkhidmatan pemulihan dan pendidikan khas bagi kanak-kanak yang memerlukan, terutamanya mereka yang didiagnosis dengan Autisme di Negara Brunei Darussalam.

Atur cara dimulakan dengan sesi penyerahan hasil sumbangan dana yang terkumpul melalui pendaftaran peserta-peserta dan juga syarikat-syarikat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir bagi memeriahkan acara ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari KSSUP, ketua-ketua jabatan, pegawai serta kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya serta orang ramai.

Acara diteruskan dengan pelepasan peserta berjalan kaki yang terbahagi kepada dua kategori trek laluan, iaitu sejauh 2.5 kilometer (km) dan 4.5km.

Di samping Charity Briskwalk, acara ini juga merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan tujuan untuk memotivasikan para peladang dan pengusaha agrimakanan dalam meningkatkan hasil ladang dan produk agrimakanan tempatan melalui Pasar Kitani sebagai platform pasaran dan memudahkan rangkaian pemasaran.

Acara ini juga bagi menggalakkan para peladang menjadi *agripreneur* yang berjaya dan progresif serta mengeratkan silaturahim, mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan komuniti peladang.

Pelbagai aktiviti menarik seperti jualan hasil pertanian segar dari ladang-ladang tempatan seperti pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan, beras-beras tempatan serta telur ayam pada harga berpatutan dan juga produk-produk agrimakanan tempatan boleh didapatkan di Dewan Melati, Pasar Kitani.

Beraneka jenis produk-produk agrimakanan hasil inovatif anak-anak tempatan seperti keropok-keropok, biskut-biskut, kuih-muih, makanan sejuk beku, sos-sos cili, jeruk buah-buahan dan banyak lagi boleh didapati di lokasi yang sama.

Sepanjang acara berkenaan dijalankan, beberapa agensi kesihatan dan kecergasan, perkhidmatan perancangan kewangan juga turut serta dalam menawarkan perkhidmatan konsultasi secara percuma; khususnya dibukakan kepada orang ramai yang menyertai Charity Briskwalk berkenaan.

Bagi memeriahkan lagi sambutan acara ini, sebagai aktiviti penarikan kepada orang ramai, Pasar Kitani Charity Briskwalk turut menjemput dan mengalu-alukan para pencinta kucing untuk hadir beramai-ramai mengunjungi Pameran Kucing yang telah bermula 3 Mei hingga 4 Mei 2025.

Pada lazimnya, operasi perniagaan Pasar Kitani diadakan pada setiap minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad dan bermula pada jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang di Dewan Melati, Pasar Kitani, Pusat Agribisnes Rimba.

Orang ramai adalah dialu-alukan dan dipersilakan datang beramai-ramai mengunjungi Pasar Kitani bagi sama-sama mendukung *agripreneur* dan agriproduk tempatan *kitani*.

# Play True Day 2025 tekankan integriti, kejujuran dalam sukan

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 4 Mei. - Play True Day merupakan salah satu inisiatif oleh World Anti-Doping Agency (WADA) untuk menyatukan komuniti sukan dalam usaha mendorong keadilan dan integriti.

Acara tersebut dilahirkan daripada hasrat untuk menentang *doping* serta menegakkan etika sukan yang mengutamakan nilai kesaksamaan dan kejujuran di atas segalanya.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam (BDADC), Awang Sukardi bin Kaderi selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja pada Majlis Perasmian Play True Day 2025 yang berlangsung di Hub Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Sejak dilancarkan, beliau menambah Play True Day telah berkembang dari inisiatif kecil kepada satu gerakan global yang merangkumi warga sukan di serata dunia dan turut memberi tumpuan kepada aspek pendidikan serta pemerkasaan komuniti agar setiap individu sedar bahawa mereka mempunyai peranan dalam memastikan sukan kekal bersih dan adil.

Manakala ujarnya, bagi tahun ini, WADA telah menetapkan tema ‘Play True Day’ 2025 iaitu “It Starts with You”.

Justeru tegasnya lagi, hari ini, kita bukan sahaja meraikan semangat sukan tetapi juga mengetengahkan komitmen kita semua dalam memastikan sukan dijalankan dengan integriti, keadilan serta penuh semangat kesukanan yang bersih.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis Play True Day 2025 itu ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, selaku yang menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS.

Majlis diisikan dengan tetamu kehormat dijunjung untuk menyertai permainan melalui aktiviti pendidikan *anti-doping* dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Play True Day disambut setiap bulan April dengan misi yang ringkas tetapi bermakna untuk mempromosikan sukan bersih dan menggalakkan para atlet, jurulatih, komuniti yang berkepentingan serta organisasi sukan di seluruh dunia untuk komited kepada semangat kesukanan, kejujuran dan saling menghormati dalam sukan.

Antara tujuan Play True Day Brunei Darussalam 2025 yang julung-julung kali diadakan ini adalah untuk menanam kesedaran yang mendalam tentang kepentingan mengamalkan nilai-nilai integriti, kejujuran, dan etika dalam setiap aspek sukan, di samping untuk memberi pendedahan dan pengetahuan tentang bahaya *doping* serta pentingnya pendidikan *anti-doping* kepada setiap peringkat daripada generasi muda hinggalah kepada atlet profesional.



**SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), selaku yang menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis Play True Day 2025.**

Selain itu, ia juga untuk menyatukan semua pihak yang terlibat dalam bidang sukan termasuk pihak berkuasa, pengurusan sukan, atlet dan komuniti agar bersama-sama menyemarakkan semangat sukan yang bersih, adil, dan bermaruah serta sebagai landasan mempamerkan kejayaan serta inisiatif yang berpandukan nilai murni, sekali gus mengilhamkan generasi muda agar terus menjaga dan memartabatkan sukan negara.

Hadir sama, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morsidi; Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim; pegawai-pegawai kanan di Jabatan Belia dan Sukan serta jemputan khas daripada agensi kerajaan dan wakil daripada persatuan dan persekutuan sukan.